

RTJT
2035



PLANMalaysia
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa


JILID 3
**PENGURUSAN RISIKO
BENCANA & PENILAIAN
KEMAMPAHAN**

رنچن تمقن ججاهن تومقت ۲۰۳۵

Draf

**RANCANGAN TEMPATAN
JAJAHAN TUMPAT**

2035



رنڇن تمثتن ججهن تومف ۲۰۳۵

RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN TUMPAT 2035

PENGURUSAN RISIKO BENCANA DAN PENILAIAN KEMAMPANAN

Adalah ini disahkan bahawa Dokumen Draf Rancangan Tempatan Jajahan Tumpat 2035 (Penggantian) ini telah disediakan berdasarkan kepada peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan telah mematuhi segala kehendak dan keperluan di bawah Prosedur Kualiti Khas Rancangan Tempatan [PKK (RT)], Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan dokumen ini sedia untuk dipublikasikan dan disemak oleh orang awam.

Disahkan oleh:

TPr Md. Nazri bin Abdullah
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
(PLANMalaysia)

Tarikh : Januari 2023

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Pengenalan	
1.1	Keperluan untuk Pengurusan Risiko Bencana	1
1.2	Tafsiran dan Terminologi	4
2.0	Latar Belakang Kejadian Bencana di Jajahan Tumpat	
2.1	Kejadian Banjir	8
2.2	Kejadian Hakisan Pantai dan Tebing Sungai	17
2.3	Kejadian Kenaikan Aras Laut	19
2.4	Kejadian Penyakit Berjangkit	23
3.0	Tahap Keterdedahan kepada Risiko Geobencana	
3.1	Tahap Keterdedahan Risiko Banjir	29
3.2	Tahap Keterdedahan Risiko Hakisan Pantai	32
3.3	Tahap Keterdedahan Risiko Kenaikan Aras Laut	34
3.4	Peta Risiko Geobencana Jajahan Tumpat	37
4.0	Tindakan bagi Mengurangkan Risiko Bencana	
4.1	Tindakan Berstruktur	39
4.2	Tindakan Bukan Struktur	50
5.0	Mekanisme Pengurusan Risiko Bencana	
5.1	Konsep Pengurusan Risiko Bencana	60
5.2	Jawatankuasa Pengurusan Bencana	61
5.3	Pengurusan Risiko Sebelum Bencana	62
5.4	Pengurusan Risiko Semasa Bencana	65

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
5.5	Pengurusan Risiko Selepas Bencana	69
5.6	Rumusan Tindakan Pengurusan dan Pengendalian Bencana	70
6.0	PENGURUSAN RISIKO BENCANA BERASASKAN KOMUNITI (4th TIER PLANNING)	
6.1	Pengenalan	71
6.2	Kepentingan Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti	71
6.3	Organisasi Berasaskan Komuniti	72
6.4	Kaedah Penilaian Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti	72
6.5	Kesiagsiagaan Komuniti	73
6.6	Penglibatan Sebelum Bencana	76
6.7	Penglibatan Semasa Bencana	76
6.8	Penglibatan Selepas Bencana	76
6.9	Senarai Semak Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti	77
7.0	PENILAIAN DAYA TAHAN BENCANA JAJAHAN TUMPAT	
7.1	Pengenalan	79
7.2	Prinsip Asas Bandar Berdaya Tahan	79
7.3	Matriks Penilaian	81
7.4	Rumusan	92
8.0	PENILAIAN KEMAMAPANAN	
8.1	Pengenalan	93
8.2	Pendekatan Analisis Penilaian Kemampanan Rancangan Tempatan	93
8.3	Isu-isu Strategik Kemampanan JajahanTumpat	96
8.4	Objektif Kemampanan dan Asas Penilaian Kemampanan	99
8.5	Penilaian Kemampanan Strategi Pembangunan	101
8.6	Rumusan	118

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Senarai Kawasan Terjejas Banjir Tahun 2014 Akibat Limpahan Air Sg. Kelantan dalam Jajahan Tumpat	9
Jadual 2.2	Senarai Kawasan Terjejas Banjir Tahun 2014 Akibat Limpahan Air Sg. Golok dalam Jajahan Tumpat	11
Jadual 2.3	Senarai Kawasan Terjejas Banjir Monsun bagi Tahun 2012, 2013 dan 2017 dalam Jajahan Tumpat	13
Jadual 2.4	Senarai Kawasan Terjejas Bnajir Kilat dalam Jajahan Tumpat	15
Jadual 2.5	Kawasan Terjejas Kejadian Kenaikan Aras Laut Berdasarkan Kajian Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)	19
Jadual 2.6	Kawasan Terjejas Kejadian Kenaikan Aras Laut Berdasarkan Kajian Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara Ke-2	20
Jadual 2.7	Lokaliti Kes Denggi bagi Tahun 2020 Sehingga 7 Julai 2021 dalam Jajahan Tumpat	25
Jadual 2.8	Lokaliti Kes Chikungunya bagi Tahun 2020 Sehingga 7 Julai dalam Jajahan Tumpat	27
Jadual 3.1	Keluasan Banjir Besar 2014, Banjir Monsun dan Banjir Kilat dalam Jajahan Tumpat	29
Jadual 3.2	Perincian Keluasan Risiko Banjir Mengikut Tahap Risiko bagi Jajahan Tumpat	30
Jadual 3.3	Keluasan Kawasan Risiko Hakisan Beting Pasir dalam Jajahan Tumpat	32
Jadual 3.4	Keluasan Kawasan Risiko Kenaikan Aras Laut dalam Jajahan Tumpat	35
Jadual 3.5	Kriteria Pengkelasan Tahap Risiko Bencana Keseluruhan	37
Jadual 3.6	Perincian Keluasan Risiko Bencana Keseluruhan	37
Jadual 7.1	Penentuan Kod Cadangan	81
Jadual 7.2	Senarai Cadangan Projek dan Program Mengikut Kod Cadangan Pembangunan	82
Jadual 8.1	Isu-Isu Kemampanan Mengikut Teras	96
Jadual 8.2	Pendekatan Kajian Penilaian Kemampanan	97
Jadual 8.3	Objektif kemampanan fizikal dan alam sekitar	99
Jadual 8.4	Objektif kemampanan infrastruktur	99
Jadual 8.5	Objektif kemampanan kemudahan masyarakat	100
Jadual 8.6	Objektif kemampanan ekonomi	100

SENARAI JADUAL

Jadual 8.7	Matriks Penilaian Keserasian Hala Tuju Pembangunan Dengan Objektif Kemampanan	102
Jadual 8.8	Matriks Penilaian Keserasian Strategi Pembangunan Dengan Objektif Kemampanan	103
Jadual 8.9	Matriks Penilaian Keserasian Cadangan Pembangunan Dengan Objektif Kemampanan (Senario 1 : Pembangunan Perbandaran)	106
Jadual 8.10	Rumusan Penilaian Keserasian Cadangan Pembangunan RT Jajahan Tumpat 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampanan (Senario 1, Pembangunan Perbandaran)	116
Jadual 8.11	Matriks Penilaian Keserasian Cadangan Pembangunan Dengan Objektif Kemampanan (Senario 2, Pembangunan Pengekalan)	117
Jadual 8.12	Rumusan Penilaian Keserasian Cadangan Pembangunan RT Jajahan Tumpat 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampanan (Senario 2, Pembangunan Pengekalan)	127
Jadual 8.13	Matriks Penilaian Keserasian Cadangan Pembangunan Dengan Objektif Kemampanan (Senario 3, Cadangan Pembangunan Perbandaran dan Pengekalan)	128
Jadual 8.14	Rumusan Penilaian Keserasian Cadangan Pembangunan RT Jajahan Tumpat 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampanan (Senario 3, Cadangan Pembangunan Perbandaran dan Pengekalan)	138
Jadual 8.15	Penyelesaian Cadangan Projek Kurang Mampan Berdasarkan Pemetaan Pengukuran Matlamat Pembangunan Mampan (SDG's)	139

SENARAI FOTO

Foto 2.1	Keadaan banjir di Teluk Renjuna, Tumpat	15
Foto 2.2	Kedai makan yang dinaiki air di kawasan Kok Majid, Tumpat	15
Foto 2.3	Terowong di Jalan Pasir Pekan – Kota Bharu yang ditenggelami air	15
Foto 2.4	Keadaan tebing Sg. Kelantan berhampiran Kg. Pasir Pekan Tengah yang terhakis kesan daripada kejadian banjir	17
Foto 2.5	Aktiviti gotong-royong dalam membendung penularan wabak Chikungunya di Kg Kok Bedullah, Tumpat	27
Foto 4.1	Rumah berkonsepkan on-stilts yang tidak dimasuki air walaupun mencapai ketinggian sehingga 0.8 meter di Kg. Pasir Pekan Hilir, Tumpat	39
Foto 4.2	Contoh pembinaan 'rock revetment' bagi mengatasi isu hakisan tebing sungai	47

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Kategori banjir yang berlaku dalam Jajahan Tumpat	9
Rajah 2.2	Pelan Banjir Besar Bagi Tahun 2014 dalam Jajahan Tumpat	12
Rajah 2.3	Pelan Banjir Monsun Bagi Tahun 2012, 2013 dan 2017 dalam Jajahan Tumpat	14
Rajah 2.4	Pelan Banjir Kilat dalam Jajahan Tumpat	16
Rajah 2.5	Pelan Hakisan Beting Pasir dan Tebing Sungai dalam Jajahan Tumpat	18
Rajah 2.6	Unjuran Kenaikan Aras Laut NAHRIM di Pantai Malaysia Menjelang Tahun 2100	20
Rajah 2.7	Unjuran Kenaikan Aras Laut di Negeri Kelantan (m) untuk Tahun 2020 sehingga 2100	20
Rajah 2.8	Pelan Lokasi Banjir Kesan Kenaikan Aras Laut (NAHRIM) dalam Jajahan Tumpat	21
Rajah 2.9	Pelan Lokasi Banjir Kesan Kenaikan Aras Laut (RFZPPN-2) dalam Jajahan Tumpat	22
Rajah 2.10	Bilangan Kes Kluster Covid-19 bagi Tahun 2021 (Sehingga Julai) dalam Jajahan Tumpat	23
Rajah 2.11	Pelan Lokasi Taburan Kes pandemik Covid-19 dalam Jajahan Tumpat	24
Rajah 2.12	Pelan Lokasi Taburan Kes Denggi dalam Jajahan Tumpat	26
Rajah 2.13	Pelan Lokasi Taburan Kes Chikungunya dalam Jajahan Tumpat	28
Rajah 3.1	Pelan Risiko Banjir dalam Jajahan Tumpat	31
Rajah 3.2	Pelan Risiko Hakisan Beting Pasir dalam Jajahan Tumpat	33
Rajah 3.3	Analisis Ketinggian Aras Air berdasarkan Rekod Tolok Pasang Surut JUPEM di Stesen Geting, Kelantan untuk tahun 2017	34
Rajah 3.4	Pelan Risiko Kenaikan Aras Laut dalam Jajahan Tumpat	36
Rajah 3.5	Pelan Risiko Bencana Keseluruhan dalam Jajahan Tumpat	38
Rajah 4.1	Pembangunan On-Stilts	40
Rajah 4.2	Pembangunan On-Stilts dan Konvensional	40
Rajah 4.3	Pelan Lokasi Bangunan Berdaya Tahan	41

Rajah 4.4	Kaedah mendalamkan sungai	43
Rajah 4.5	Pelan Zon Penampunan dalam Jajahan Tumpat	44
Rajah 4.6	Pelan Lencongan Sg. Tapang - Sg. Pengkalan Nangka	45
Rajah 4.7	Pelan Lokasi Mendalamkan Sungai di Pulau dalam BP7 Sungai Pinang	46
Rajah 4.8	Keratan rentas fungsi binaan <i>rock revetment</i> Ketika berlakunya kenaikan aras air	47
Rajah 4.9	Pelan Lokasi Pembinaan Rock Reventment di Tebing Sg. Kelantan (Pasir Pekan)	48
Rajah 4.10	Konsep amaran tsunami menggunakan teknologi satelit	49
Rajah 4.11	Pelan Kawalan Zon Pembangunan	51
Rajah 4.12	Pelan Intensiti Bandar Tumpat	53
Rajah 4.13	Pelan Intensiti Bandar Pengkalan Kubor	54
Rajah 4.14	Pelan Intensiti Wakaf Bharu	55
Rajah 4.15	Pelan Lokasi Pusat Penempatan Serbaguna Kekal Mangsa Bencana dalam Jajahan Tumpat	57
Rajah 4.16	Carta Alir Sistem Saliran dan Perparitan Mampan	58
Rajah 6.1	Pelan Evakuasi Kecemasan Bencana Banjir di Kg. Laut	74
Rajah 6.2	Pelan Evakuasi Kecemasan Bencana Tsunami di Kg. Geting	75
Rajah 8.1	Metodologi Analisis Penilaian Kemampunan	95

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0

PENGENALAN





Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.1 Keperluan untuk Pengurusan Risiko Bencana

Keperluan untuk pengurusan risiko bencana telah bermula sejak 1968 – Runtuhan Bangunan 4 tingkat di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, 1991 – Kebakaran Kilang Bright Sparklers Fireworks, di Sg Buloh, Selangor, 1993 – Keruntuhan kondominium mewah Highland Towers di Ulu Klang, Selangor, 2008 – Tanah runtuh Bukit Antarabangsa dan Disember 2014 banjir besar atau bah kuning di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor yang dianggap banjir terburuk di Malaysia dalam tempoh 50 tahun. Terbaru, beberapa kawasan di Lembah Klang terutamanya di Petaling, Kuala Langat, Hulu Langat dan Kuala Selangor turut merekodkan kejadian bencana banjir setelah mengalami hujan lebat yang berterusan selama dua hari.



1.1.1 Agenda Perbandaran Baharu (NUA)



Pengurusan risiko bencana turut dinyatakan di dalam wawasan Agenda Perbandaran Baharu iaitu menerima pakai dan melaksanakan pengurangan dan pengurusan risiko bencana, mengurangkan kelemahan, membina daya tahan dan daya responsif kepada bencana semula jadi dan buatan manusia dan memupuk pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim. Agenda Perbandaran Baharu juga berpandukan kepada prinsip kemampanan alam sekitar, dengan menggalakkan tenaga bersih, penggunaan tanah dan sumber secara mampan dalam pembangunan bandar serta melindungi ekosistem dan biodiversiti, termasuk mengamalkan gaya hidup sihat yang harmoni dengan alam semula jadi; menggalakkan penggunaan dan corak pengeluaran mampan; membina daya tahan bandar; mengurangkan risiko bencana; dan mengurangkan serta menyesuaikan diri dengan perubahan iklim.

1.1.2 Sustainable Development Goals (SDGs)

Terdapat beberapa matlamat di dalam Sustainable Development Goals yang memberi penekanan kepada pengurusan risiko bencana iaitu:

SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera


3.d Memperkukuhkan keupayaan semua negara, khususnya negara membangun, bagi amaran awal, pengurangan risiko dan pengurusan risiko kesihatan pada peringkat kebangsaan dan global.



SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan

11.B Menjelang 2020, meningkatkan dengan ketara bilangan bandar dan penempatan manusia yang menerima pakai serta melaksanakan dasar dan rancangan bersepadu ke arah keterangkuman, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, daya tahan terhadap bencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat seiring dengan Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015–2030.

1.1.3 Sendai Framework for Disaster Risk Reduction (SFDRR) 2015 - 2030



Sendai Framework for Disaster Risk Reduction (SFDRR) 2015 - 2030 telah diterima pakai pada Persidangan Dunia PBB Ketiga di Sendai, Jepun, pada 18 Mac 2015. Ia adalah hasil perundingan pihak berkepentingan yang bermula pada Mac 2012 dan rundingan antara kerajaan dari Julai 2014 hingga Mac 2015, disokong oleh Pejabat Pengurangan Risiko Bencana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atas permintaan Perhimpunan Agung PBB. Pengurusan risiko bencana bagi rangka kerja ini tertumpu kepada empat (4) bidang keutamaan iaitu:

Keutamaan 1: Memahami risiko bencana.

Keutamaan 2: Memperkukuh tadbir urus dalam menguruskan risiko bencana.

Keutamaan 3: Melabur dalam pengurangan risiko bencana berdaya tahan.

Keutamaan 4: Meningkatkan kesiapsiagaan bencana bagi tindak balas yang berkesan dan untuk “Membina Kembali dengan Lebih Baik” dalam pemulihan, rehabilitasi dan pembinaan semula.

1.1.4 Arahan MKN No. 20



Mekanisme pengurusan bencana dibentuk susulan daripada kejadian keruntuhan Pangsapuri Highland Towers di Hulu Klang, Selangor yang berlaku pada 11 Disember 1993. Mekanisme ini diletakkan di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan akhirnya dikeluarkan Arahan mengenai Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara pada 11 Mei 1997. Tumpuan utama kepada pengurusan Bencana adalah ke arah Pengurangan Risiko Bencana secara berterusan melalui program-program Pencegahan, Peredaan dan Kesiapsiagaan menghadapi Bencana. Usaha ini adalah selaras dengan inisiatif yang dilakukan di peringkat antarabangsa.

1.1.5 Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12)




Keperluan bagi pengurusan risiko bencana adalah selari dengan Strategi A4 yang terkandung di dalam dokumen Rancangan Malaysia ke-12 iaitu mempertingkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana.

1.1.6 Rancangan Fizikal Negara ke-4 (RFN4)



Rancangan Fizikal Negara ke-4 menggariskan Teras 2: Kemampanan Spatia dan Daya Tahan Perubahan Iklim dalam membangunkan pengurusan risiko bencana. Melalui hala tuju strategik KD1 Perancangan Guna Tanah Holistik, pengurusan risiko bencana lebih banyak dinyatakan di dalam KD 1.5 iaitu melaksana mitigasi untuk mengurangkan risiko bencana semula jadi dan perubahan iklim.

1.1.7 Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara ke-2 (RFZPPN2)



Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN) secara umumnya berfungsi sebagai satu dokumen panduan perancangan spatial yang khusus bagi zon persisiran pantai. Pada dasarnya, dokumen ini mengambil kira kekangan serta potensi sosio ekonomi, alam sekitar, dan risiko geobencana dalam memandu haluan kerja pengurusan dan perancangan di kawasan persisiran pantai.

1.1.8 Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia



Garis panduan yang diterbitkan ini telah mencadangkan keperluan penilaian tahap bahaya dan risiko (termasuk inventori, rentan dan rapuh) sesuatu bencana dengan penghasilan Peta Bahaya dan Risiko untuk kegunaan pentadbir bandar dan perancang pembangunan. GPP ini juga turut mempertimbangkan perancangan guna tanah dalam pembangunan bandar ke atas pengurangan risiko. Ini dapat direalisasikan dengan pelaburan bijak ke atas kawasan risiko tinggi yang bakal dibangunkan melalui program mitigasi (struktur atau tidak berstruktur) dan kesiapsiagaan khusus ke arah mempertingkatkan tahap kemampuan untuk „bertahan“ dan „bangkit semula dari sebarang kejutan, bencana berulang, bencana besar atau bencana berganda.

1.1.9 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)



Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 merupakan suatu akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Dalam konteks pengurusan risiko dalam Jajahan Tumpat, pencegahan risiko kepada penyakit berjangkit mengambil kira kepada jenis penyakit yang terkandung di dalam Jadual Pertama (Seksyen 2) Penyakit-penyakit Berjangkit, Bahagian I, Perkara:-

5. Demam denggi dan demam denggi berdarah
17. Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV)

1.1.10 Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Penyakit Chikungunya di Malaysia



Garis panduan ini disediakan untuk membantu serta menyeragamkan tindakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit Chikungunya yang dijalankan oleh anggota-anggota Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagi mencegah dan mengawal penularan penyakit Chikungunya dengan cekap dan berkesan, empat strategi utama diberi keutamaan yang meliputi :

- i. Survelan dan respon terhadap kes Chikungunya.
- ii. Pengurusan vektor secara bersepadu.
- iii. Komunikasi risiko dan mobilisasi komuniti.
- iv. Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

1.2 Tafsiran dan Terminologi

Dalam memperjelaskan keadaan semasa bencana serta pengurusan risiko dalam Jajahan Tumpat, adalah penting dalam memahami terlebih dahulu definisi dan terminologi bagi setiap bencana yang berlaku di dalam Jajahan Tumpat. Terminologi ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada agensi berkaitan.

1.2.1 Bencana Fizikal

Bencana fizikal ditakrifkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai suatu peristiwa yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggembleran sumber yang ekstensif termasuk bencana semula jadi yang merupakan proses semula jadi bumi/fenomena seperti gempa bumi, aktiviti kegagalan geologi (geological fault activity), tsunami, dan aktiviti gunung berapi dan proses luaran seperti tanah runtuh, kegagalan cerun dan banjir lumpur.



1.2.2 Bencana Bukan Fizikal

Bencana bukan fizikal adalah seperti wabak, pandemik, denggi yang melibatkan lokaliti. Ia merupakan wabak penyakit berjangkit yang berlaku dengan mengejut dan di luar jangkaan yang menjejaskan impak kesihatan, sosial dan ekonomi. Penyakit berjangkit yang baru muncul (emerging) di mana satu kes yang berlaku dikategorikan sebagai bencana. Manakala, penyakit berjangkit yang sedia ada dan muncul semula (re-emerging) secara mendadak. Contohnya seperti keracunan makanan yang melibatkan jumlah yang lebih daripada biasa di meminimumkan impak pandemik/bencana di mana kejadian penyakit adalah sukar dikawal, dikategorikan sebagai bencana jika ia mempunyai kadar *morbidity/mortality* yang tinggi, memerlukan kapasiti unit rawatan rapi yang melebihi kapasiti sedia ada dan novel virus dan *high transmissibility*.



1.2.3 Banjir

Banjir boleh didefinisikan sebagai badan air, yang melimpah keluar dari tebing sungai, tasik atau sistem perparitan disebabkan oleh hujan lebat, pencairan ais, air pasang, dan halangan pada saluran. Kejadian banjir dapat dikategorikan kepada banjir bermusim, banjir kilat dan banjir pasang surut mengikut lokasi, ciri-ciri, sebab berlaku, masa ketika banjir berlaku dan tempohnya. Antara ciri-ciri punca semula jadi banjir adalah singkat, keamatan tinggi menyebabkan banjir kilat dan hujan lebat menyebabkan tanah bertakung. Manakala aktiviti manusia seperti pembuangan sisa pepejal ke dalam sungai, enapan dari pembukaan tanah dan kawasan pembinaan, peningkatan dalam kawasan tidak telap dan halangan di dalam sungai turut menyumbang kepada kejadian banjir

1.2.4 Hakisan Pantai dan Tebing Sungai



Hakisan pantai terjadi secara semula jadi dan berpunca dari perbuatan manusia. Punca semula jadi berlakunya hakisan pantai adalah kesan daripada kejadian ribut semasa air pasang. Manakala punca daripada perbuatan manusia sehingga berlakunya hakisan ialah daripada aktiviti pelabuhan, marina serta jambatan. Dalam keadaan semula jadi, pantai mengalami kitaran dan pemendapan tetapi dalam tempoh masa yang lama, pantai dianggap stabil jika kedudukan minnya kekal tidak berubah. Dalam kebanyakan kes, punca hakisan ialah disebabkan aktiviti manusia yang memberi kesan langsung atau kesan sampingan terhadap kawasan pantai dan pesisirnya.

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada berlakunya fenomena hakisan tebing sungai di mana faktor-faktor ini adakalanya bergabung antara satu sama lain dan mempercepatkan lagi kemerosoton kestabilan tebing sungai sekaligus menyebabkan berlakunya hakisan. Faktor yang membawa kepada hakisan tebing sungai merangkumi isipadu dan halaju air, kecerunan alur sungai, bentuk alur sungai, jenis batuan alur sungai dan bahan muatan sungai.

1.2.5 Perubahan Iklim Dunia

Perubahan iklim merujuk kepada perubahan signifikan statistik dalam purata keadaan iklim ataupun kepelbagaiannya, untuk jangka masa yang panjang (biasanya dekad atau lebih). Perubahan iklim berlaku mungkin kerana proses semula jadi dalaman bumi, pendorong luaran, ataupun perubahan antropogenik terus menerus dalam komposisi atmosfera dan penggunaan tanah. Perubahan Iklim ditakrif sebagai: "perubahan iklim yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti manusia yang mengubah komposisi atmosfera global dan merupakan tambahan terhadap kepelbagaian iklim semula jadi untuk tempoh masa yang dapat dibandingkan".



Penemuan oleh dua orang saintis lebih dari 100 tahun yang lalu menunjukkan bahawa karbon dioksida meningkat di atmosfera memanaskan keseluruhan planet. Saintis berkenaan ialah penyelidik Perancis, Jean Baptiste Fourier dan saintis Sweeden Svante Arrhenius. Penemuan mereka kemudiannya dikenali sebagai kesan rumah hijau yang merangkumi faktor semula jadi dan kegiatan manusia yang menyumbang kepada penambahan karbon dioksida dalam udara.

1.2.6 Wabak Penyakit

Penyakit berjangkit didefinisikan sebagai penyakit yang boleh merebak kepada orang lain melalui udara, air, makanan atau sentuhan cecair badan yang mengandungi patogen iaitu agen penyakit. Penyakit berjangkit biasanya disebabkan oleh mikroorganisma seperti bakteria, kulat atau virus yang membiak dalam tisu tubuh.



1.2.7 Risiko, Bahaya, Keterdedahan, Kerapuhan dan Kerentanan

Penilaian risiko bencana mengambil kira empat faktor iaitu risiko yang merupakan ukuran kebarangkalian dan magnitud kerosakan kesan buruk, kerentanan yang merujuk kepada penilaian kualitatif dan kuantitatif, kerapuhan di mana keadaan yang mudah rosak sekiranya terusik atau diganggu dan bahaya adalah keadaan di mana terdapatnya potensi boleh berlakunya sesuatu yang mencederakan.

1

Risiko (Risk)

Ukuran kebarangkalian dan magnitud kerosakan kesan buruk daripada bencana terhadap kesihatan, harta benda dan alam sekitar. Risiko boleh dirujuk sebagai kombinasi maklumat bahaya (impak fizikal dari sebarang bentuk gangguan), keterdedahan (elemen yang terjejas oleh bahaya) dan juga kerapuhan (tahap kehilangan sesuatu elemen akibat bahaya) - Corominas et al., 2014

2

Bahaya (Hazard)

Keadaan di mana terdapatnya potensi boleh berlakunya sesuatu yang mencederakan dan menyebabkan akibat yang tidak diinginkan serta memberi kesan kepada sosial, ekonomi dan alam sekitar - UNISDR, 2009

3

Keterdedahan (Exposure)

Keterdedahan harta benda (seperti struktur bangunan, kenderaan, tenaga, air, jalan dan sebagainya dan kelas-kelas struktur - perumahan, kedai, kemudahan awam, infrastruktur, mod pengangkutan, utiliti, sistem perhubungan dan sebagainya kepada risiko bencana dan keterdedahan kepada manusia (seperti penduduk dan pekerja) kepada risiko bencana.

4

Kerapuhan (Vulnerability)

Keadaan yang mudah rosak sekiranya terusik atau diganggu disebabkan oleh faktor-faktor fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar atau proses yang boleh meningkatkan tahap kerentanan dan keterdedahan masyarakat kepada kesan atau impak bencana yang tidak dijangkakan - UNISDR, 2009

5

Kerentanan (Susceptability)

Kerentanan merupakan kapasiti yang diperlukan untuk menghasilkan dan menyebarkan maklumat peringatan yang tepat bagi sesuatu bentuk bencana yang memungkinkan orang perseorangan, masyarakat dan organisasi yang terancam dengan ancaman bahaya bencana tersebut. Maklumat-maklumat yang tepat, penting untuk melakukan langkah-langkah kesiapsiagaan.

1.2.8 Penilaian Risiko Bencana

Penilaian risiko bencana dilaksanakan berdasarkan kepada 3 faktor iaitu bahaya, keterdedahan dan kerapuhan.

$$\text{Risiko} = \text{Bahaya} \times \text{Keterdedahan} \times \text{Kerapuhan}$$



1.2.9 Pengurangan Risiko Bencana

Pengurangan risiko merupakan suatu konsep serta amalan untuk mengurangkan risiko serta kesan akibat bencana melalui keupayaan yang sistematik dalam menganalisis serta mengendalikan faktor terjadinya bencana termasuk:

- i. Mengurangkan keterdedahan terhadap bahaya
- ii. Mengurangkan keterdedahan masyarakat dan harta benda
- iii. Kebijakan dalam perancangan dan pembangunan tanah dan alam sekitar
- iv. Meningkatkan persediaan dalam menghadapi bencana

Aspek pengurusan dan pengurangan risiko bencana diadaptasi daripada Prinsip Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015 – 2030. Ia memerlukan inklusiviti, penglibatan dan pemerkasaan semua lapisan masyarakat serta memerlukan pendekatan yang pelbagai. Maklumat risiko perlu dimaklumkan, mudah diakses, difahami dan terkini. Maklumat perlu berasaskan analisis saintifik yang digabungkan dengan pengetahuan tradisional.

Pengurangan risiko geobencana memerlukan tanggungjawab bersama kerajaan pusat, negeri dan pihak-pihak berkepentingan sesuai dengan keadaan dan sistem tadbir urus negara berkenaan. Tanggungjawab utama negara adalah untuk mengurangkan risiko geobencana yang boleh dicapai melalui kerjasama antarabangsa dan serantau serta hubungan dua hala antara wilayah.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

2.0

LATAR BELAKANG KEJADIAN BENCANA DI JAJAHAN TUMPAT

A photograph of a beach with a sign that reads "PANTAI GETING". The sign is made of colorful letters and is mounted on a concrete base. The background shows the ocean and a cloudy sky.

PANTAI GETING


📍 PANTAI GETING

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

2.1 Kejadian Banjir

Tumpat merupakan sebuah jajahan yang terletak bersebelahan dengan Thailand dan terdedah kepada tiupan angin Monsun Timur Laut dan hampir setiap tahun dilanda bencana banjir. Tahun 2014 mencatatkan episod banjir yang paling diingati memandangkan ia bukan hanya menenggelamkan Jajahan Tumpat tetapi hampir keseluruhan Negeri Kelantan.

2.1.1 Punca-punca Kejadian Banjir di Negeri Kelantan



2.1.2 Kategori Banjir di Jajahan Tumpat

Banjir dalam Jajahan Tumpat dapat dibahagikan kepada banjir kilat, dan banjir monsun seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 2.1**. Kejadian banjir yang berlaku di dalam Jajahan Tumpat adalah disebabkan oleh hujan lebat yang ekstrem, menyeluruh yang dibawa oleh Monsun Timur Laut yang bertiup dari bulan November hingga Mac setiap tahun. Setiap tahun, Tumpat boleh dikatakan sering mengalami hujan lebat yang berterusan di Lembangan Sg. Kelantan dan Sg. Golok. Banjir monsun pada tahun 2014 berlaku disebabkan limpahan air daripada Sg. Kelantan dan Sg. Golok. Manakala punca berlakunya banjir kilat di kawasan tersebut adalah akibat daripada sistem perparitan dan saluran di sekitar kawasan Sg. Raja Gali yang tidak sempurna.

Rajah 2.1: Kategori banjir yang berlaku dalam Jajahan Tumpat



2.1.3 Kawasan Terjejas

Banjir Tahun 2014

Tahun 2014 boleh diklasifikasikan sebagai banjir monsun terburuk dalam sejarah banjir bukan sahaja di Tumpat tetapi bagi Negeri Kelantan. Limpahan air Sg. Kelantan telah menenggelamkan Jajahan Tumpat seluas 14,960.09 hektar manakala Sg. Golok menenggelamkan 5,151.48 hektar Jajahan Tumpat. Senarai kampung yang terlibat dalam bencana banjir tahun 2014 dinyatakan pada **Jadual 2.1 hingga Jadual 2.4** dan **Rajah 2.2**.

Jadual 2.1: Senarai Kawasan Terjejas Banjir Tahun 2014 Akibat Limpahan Air Sg. Kelantan dalam Jajahan Tumpat

BIL.	KAWASAN	BIL.	KAWASAN	BIL.	KAWASAN
1.	Kg. Kelong	9.	Kg. Bharu Tanjung Duff	17.	Kg. Kok Terbuk
2.	Kg. Pak Jah	10.	Kg. Pengkalan Nangka	18.	Kg. Tujuh
3.	Kg. Tok Takor	11.	Kg. Kelaburan	19.	Kg. Kok Mek Song
4.	Kg. Baharu	12.	Kg. Kok Kebit	20.	Kg. Pak Kerau
5.	Kg. Besut	13.	Kg. Kok Pinang	21.	Kg. Kok Semru
6.	Kg. Tumpat	14.	Kg. Kok Bedullah	22.	Kg. Belukar
7.	Kg. Pulau Che Tahir	15.	Kg. Kok Gambir	23.	Kg. Karang
8.	Kg. Baharu Tanjung Duff	16.	Kg. Jubakar Pantai	24.	Kg. Belukar

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Tumpat, September 2021

Sambungan.....

BIL.	KAWASAN
25.	Chabang Tiga Berangan
26.	Kg. Berangan
27.	Kg. Bendang Kering
28.	Kg. Kok Teluk
29.	Kg. Tok Terak
30.	Kg. Pak Endir
31.	Kg. Kubang Panjang
32.	Kg. Cenerung Kubu
33.	Kg. Gajah
34.	Kg. Bendang
35.	Kg. Tempoyak
36.	Kg. Serkung
37.	Kg. Mentua
38.	Kg. Kedpir
39.	Kg. Pengkalan Mentua
40.	Kg. Kubang Bemban
41.	Kg. Pauh Sebanjar
42.	Kg. Jejuluk
43.	Kg. Burung
44.	Kg. Parit
45.	Kg. Kok Beluru
46.	Kg. Jeneris
47.	Kg. Bendang Pak Yong
48.	Kg. Naga Ibu
49.	Kg. Kubang Sawa
50.	Kg. Kajang Sebidang
51.	Kg. Kok Pinang
52.	Kg. Nicang
53.	Kg. Kok Pak Keh
54.	Kg. Baruh Kok Pauh
55.	Kg. Kok Kenik
56.	Kg. Jubakar

BIL.	KAWASAN
57.	Kg. Jebuk
58.	Kg. Anak Sepilar
59.	Kg. Palas Merah
60.	Kg. Kubang Rengit
61.	Kg. Cenerung
62.	Kg. Teluk Jering
63.	Kg. Cerang Melintang
64.	Kg. Banggul Beta
65.	Kg. Jal Besar
66.	Kg. Tuk Uh
67.	Kg. Ana
68.	Kg. Beruk
69.	Kg. Padang Mandul
70.	Kg. Bereh
71.	Kg. Jal Kecil
72.	Kg. Seberang Baruh
73.	Kg. Selak
74.	Kg. Talak
61.	Kg. Cenerung
62.	Kg. Teluk Jering
63.	Kg. Cerang Melintang
64.	Kg. Banggul Beta
65.	Kg. Jal Besar
66.	Kg. Tuk Uh
67.	Kg. Ana
68.	Kg. Beruk
69.	Kg. Padang Mandul
70.	Kg. Bereh
71.	Kg. Jal Kecil
72.	Kg. Seberang Baruh
73.	Kg. Selak
74.	Kg. Talak

BIL.	KAWASAN
75.	Kg. Pauh
76.	Kg. Dalam Kota
77.	Kg. Dusun Langgar
78.	Kg. Pasir Pekan
79.	Kg. Baharu
80.	Kg. Raja Gah
81.	Kg. Kutang
82.	Kg. Kubang Palas
83.	Kg. Padang Lidong
84.	Kg. Chelah Gu
85.	Kg. Lama
86.	Kg. Pauh Kumbang
87.	Kg. Padang Pasir Pekan
88.	Kg. Mulong
89.	Kg. Kota Bharu
90.	Kg. Alor Pasir
91.	Kg. Gaung
92.	Kg. Alur Durian
93.	Kg. Kubang Chuali
94.	Kg. Tok Malik
95.	Kg. Tachek
96.	Kg. Lati
97.	Kg. Paya
98.	Kg. Delima
99.	Kg. Lam
100.	Kg. Banggul Petani
101.	Kg. Kubang Batang
102.	Kg. Payang Pasir
103.	Kg. Bunut Sarang Burung
104.	Kg. Alor Tok Menora
105.	Kg. Kepulau
106.	Kg. Pasir Pekan Hilir

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Tumpat, September 2021

Sambungan.....

BIL.	KAWASAN
107.	Kg. Pauh Kubor
108.	Kg. Paloh
109.	Kg. Gelong Perahu
110.	Kg. Morak
111.	Kg. Semat Jal
112.	Kg. Kebakat
113.	Kg. Alor Tal
114.	Kg. Becha Gerda
115.	Kg. Suri
116.	Kg. Lubok Kawah
117.	Kg. Teluk Renjuna
118.	Kg. Tanjung Custom
119.	Kg. Kok Majid

BIL.	KAWASAN
120.	Kg. Gobek
121.	Kg. Mak Neralang
122.	Kg. Tanjung Gorek
123.	Kg. Pulau Besar
124.	Kg. Pulau Gagak
125.	Kg. Pulau Beluru
126.	Kg. Pulau Seratus
127.	Kg. Pantai Nik Mat
128.	Kg. Pantai Nik Him
129.	Kg. Pulau Tongkang
130.	Kg. Tok Fakir
131.	Kg. Pulau Chendor
132.	Pulau Terendam

BIL.	KAWASAN
133.	Kg. Kok Keli Dua
134.	Kg. Kok Keli Satu
135.	Kg. Chat
136.	Kg. Lubok Selohong
137.	Kg. Kok Pasir
138.	Kg. Belian
139.	Kg. Sungai Pinang
140.	Chabang Tiga Gerong
141.	Kg. Pulau Kerbau
142.	Kg. Dalam Pandan
143.	Kg. Laut

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Tumpat, September 2021

Jadual 2.2: Senarai Kawasan Terjejas Banjir Tahun 2014 Akibat Limpahan Air Sg. Golok dalam Jajahan Tumpat


BIL.	KAWASAN
1.	Kg. Kok Bedullah
2.	Kg. Kok Gambir
3.	Kg. Kok Mek Song
4.	Kg. Jubakar Pantai
5.	Kg. Kok Terbuk
6.	Kg. Tujuh
7.	Kg. Kok Semru
8.	Kg. Belukar
9.	Kg. Gajah
10.	Kg. Cenerung Kubu
11.	Kg. Kubang Panjang
12.	Kg. Kedpir
13.	Kg. Tualang
14.	Kg. Serkung
15.	Kg. Mentua
16.	Kg. Pengkalan Mentua

BIL.	KAWASAN
17.	Kg. Kubang Bemban
18.	Kg. Simpangan
19.	Kg. Jejuluk
20.	Kg. Burung
21.	Kg. Parit
22.	Kg. Kok Beluru
23.	Kg. Jeneris
24.	Kg. Bendang Pak Yong
25.	Kg. Kajang Sebidang
26.	Kg. Kubang Sawa
27.	Kg. Naga Ibu
28.	Kg. Kok Pak Keh
29.	Kg. Baruh Kok Pauh
30.	Kg. Kok Kenik
31.	Kg. Jubakar
32.	Kg. Jering




BIL.	KAWASAN
33.	Kg. Jebuk
34.	Kg. Nicang
35.	Kg. Anak Sepilar
36.	Kg. Palas Merah
37.	Kg. Kubang Rengit
38.	Kg. Teluk Jering
39.	Kg. Cenerung
40.	Kg. Cerang Melintang
41.	Kg. Banggul Beta
42.	Kg. Jal Besar
43.	Kg. Tuk Uh
44.	Kg. Ana
45.	Kg. Beruk
46.	Kg. Padang Mandul
47.	Kg. Bereh

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Tumpat, September 2021







Rajah 2.2 : Pelan Banjir Besar Bagi Tahun 2014 dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

-  Kawasan Banjir
-  Kawasan Limpahan air Sg. Kelantan
-  Kawasan Limpahan air Sg. Golok

Lain - lain

-  Sempadan Kawasan Kajian
-  Sempadan Jajahan
-  Sempadan Blok Perancangan
-  Laluan keretapi
-  Jalanraya
-  Sungai

PELAN KUNCI



Banjir Monsun



Kawasan banjir bagi tahun 2013 yang mana disebabkan oleh limpahan air daripada Sg. Kelantan telah menenggelamkan 14 kawasan (1,311.43 hektar) dan Sg. Golok. Sejumlah 16 kawasan (2,617.06 hektar). Keseluruhan kawasan banjir monsun pada tahun 2017 dalam Jajahan Tumpat ialah 5,992.52 hektar. **Jadual 2.3** dan **Rajah 2.3** menunjukkan lokasi terjejas banjir monsun bagi tahun 2012, 2013 dan 2017.

Jadual 2.3: Senarai Kawasan Terjejas Banjir Monsun bagi Tahun 2012, 2013 dan 2017 dalam Jajahan Tumpat




BIL.	KAWASAN	BIL.	KAWASAN	BIL.	KAWASAN
1.	Kg. Kelong	30.	Kg. Awang Ah Chong	59.	Kg. Selak
2.	Kg. Tok Takor	31.	Kg. Burung	60.	Kg. Padang Mandul
3.	Kg. Baharu	32.	Kg. Kaki Itek	61.	Kg. Bereh
4.	Kg. Kok Kebit	33.	Kg. Parit	62.	Kg. Jal Kecil
5.	Kg. Tok Cina	34.	Kg. Kok Beluru	63.	Kg. Kubang Batang
6.	Kg. Kok Gambir	35.	Kg. Rengas	64.	Kg. Banggul Petani
7.	Kg. Jubakar Pantai	36.	Kg. Jeneris	65.	Kg. Lambur
8.	Kg. Kok Terbuk	37.	Kg. Bendang Pak Yong	66.	Kg. Paya
9.	Kg. Kok Semru	38.	Kg. Kajang Sebidang	67.	Kg. Kepulau
10.	Kg. Belukar	39.	Kg. Kubang Sawa	68.	Kg. Pasir Pekan Hilir
11.	Kg. Bendang Kering	40.	Kg. Naga Ibu	69.	Kg. Suri
12.	Kg. Kok Teluk	41.	Kg. Kok Pak Keh	70.	Kg. Pantai Nik Mat
13.	Kg. Tok Terak	42.	Kg. Baruh Kok Pauh	71.	Kg. Lubok Kawah
14.	Kg. Kubang Panjang	43.	Kg. Kok Kenik	72.	Kg. Pulau Seratus
15.	Kg. Cherang	44.	Kg. Jering	73.	Kg. Teluk Renjuna
16.	Kg. Cenerung Kubu	45.	Kg. Jebuk	74.	Kg. Pulau Beluru
17.	Kg. Gajah	46.	Kg. Anak Sepilar	75.	Kg. Pulau Gagak
18.	Kg. Bendang	47.	Kg. Palas Merah	76.	Kg. Pulau Besar
19.	Kg. Pulau Ular	48.	Kg. Kubang Rengit	77.	Kg. Tanjung Gorek
20.	Kg. Kedpir	49.	Kg. Cenerung	78.	Kg. Tajung Custom
21.	Kg. Tempoyak	50.	Kg Teluk Jering	79.	Kg. Mak Neralang
22.	Kg. Serkung	51.	Kg. Cerang Melintang	80.	Kg. Pulau Pisang
23.	Kg. Tualang	52.	Kg. Talak	81.	Kg. Kok Majid
24.	Kg. Mentua	53.	Kg. Banggul Beta	82.	Kg. Gobek
25.	Kg. Pengkalan Mentua	54.	Kg. Jal Besar	83.	Kg. Lubok Selohong
26.	Kg. Simpangan	55.	Kg. Tuk Uh	84.	Kg. Kok Pasir
27.	Kg. Pauh Sebanjar	56.	Kg. Ana	85.	Kg. Pulau Kerbau
28.	Kg. Kubang Bemban	57.	Kg. Beruk	86.	Kg. Dalam Pandan
29.	Kg. Jejuluk	58.	Kg. Seberang Baruh		

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Tumpat, September 2021







Rajah 2.3: Pelan Banjir Monsun Bagi Tahun 2012, 2013 dan 2017 dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

-  Kawasan Banjir Monsun Tahun 2012
-  Kawasan Banjir Monsun Tahun 2013
-  Kawasan Banjir Monsun Tahun 2017

Lain - lain

-  Sempadan Kawasan Kajian
-  Sempadan Jajahan
-  Sempadan Blok Perancangan
-  Laluan keretapi
-  Jalanraya
-  Sungai

PELAN KUNCI



Banjir Kilat

Banjir kilat yang berlaku dalam Jajahan Tumpat lebih tertumpu di dalam BP 2 Terbak , BP 5 Wakaf Bharu dan BP 6 Kebakat. Dianggarkan seluas 1,276.76 hektar Jajahan Tumpat dinaiki air bagi banjir kilat. Lokasi kawasan banjir kilat yang berlaku dalam Jajahan Tumpat ditunjukkan pada **Jadual 2.4** dan **Rajah 2.4**.

Jadual 2.4: Senarai Kawasan Terjejas Banjir Kilat dalam Jajahan Tumpat

BIL.	KAWASAN	BIL.	KAWASAN	BIL.	KAWASAN
1.	Cabang 4	4.	Kg. Belukar	7.	Kg. Alor Tar Tok Menora
2.	Kg. Alor Tar Tok Menora	5.	Kg. Delima	8.	Wakaf Bharu
3.	Kg. Alor Tar Tok Menora	6.	Wakaf Bharu	9.	Kg. Bendang Ketong

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Tumpat, September 2021

Foto 2.1: Keadaan banjir di Teluk Renjuna, Tumpat





Foto 2.2: Kedai makan yang dinaiki air di kawasan Kok Majid, Tumpat



Foto 2.3: Terowong di Jalan Pasir Pekan – Kota Bharu yang ditenggelami air



Rajah 2.4: Pelan Banjir Kilat dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

Kawasan Banjir Kilat

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



2.2 Kejadian Hakisan Pantai dan Tebing Sungai

Jajahan Tumpat mengalami hakisan pantai sehingga menyebabkan terbentuknya beting pasir terutamanya di kawasan pantai. Terdapat juga kejadian hakisan tebing sungai di sungai utama dalam Jajahan Tumpat. Rujukan bagi hakisan beting pasir ini dibuat berdasarkan kepada kajian *Integrated Shoreline Management Plan for the State of Kelantan* oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (April, 2021) dan kajian Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara ke-2 (2022).

2.2.1 Punca-punca Hakisan Pantai dan Tebing Sungai di Jajahan Tumpat

Hakisan pantai sehingga terbentuknya beting pasir berlaku disebabkan keadaan ombak yang menghempas kawasan pantai terutamanya di kawasan yang tidak mempunyai sebarang komponen mitigasi pantai seperti groin dan pemecah ombak. Selain itu, ia juga disebabkan oleh pergerakan pasir akibat daripada ombak yang melanda dan kenaikan aras laut yang semakin tinggi. Hakisan tebing sungai pula berlaku disebabkan oleh kenaikan aras air sungai sehingga menyebabkan banjir yang menjadi punca tebing sungai semakin terhakis.

2.2.2 Kawasan Terjejas

Integrated Shoreline Management Plan for the State of Kelantan

Terdapat hakisan pantai sehingga terbentuknya beting pasir pada unit pengurusan MU03 dan MU04. Bagi MU03, hakisan pantai sehingga terbentuknya beting pasir berlaku sepanjang 4.1 km iaitu di sepanjang lagun Pengkalan Nangka. Hakisan pantai sehingga terbentuknya beting pasir bagi unit pengurusan MU04 pula berlaku sepanjang 2.8 km.

Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara ke-2

Hakisan pantai sehingga terbentuknya beting pasir bagi UPZP D02 adalah sepanjang kira-kira 4.12 km dan bagi UPZP D03 sepanjang kira-kira 7.91 km. Kedua-dua kawasan hakisan ini dikategorikan sebagai tahap ketiga hakisan boleh diterima iaitu tidak mengalami hakisan yang kritikal.


Jabatan Pengairan dan Saliran Tumpat

Bagi hakisan tebing sungai, berlakunya hakisan tebing sungai melibatkan Sg. Kelantan iaitu di kawasan Pasir Pekan dengan panjang hakisan kira-kira 3.4km.

Foto 2.4: Keadaan tebing Sg. Kelantan berhampiran Kg. Pasir Pekan Tengah yang terhakis kesan daripada kejadian banjir



Rajah 2.5: Pelan Hakisan Beting Pasir dan Tebing Sungai dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

- Hakisan Beting Pasir (ISMP)
- Hakisan Beting Pasir (RFZPPN-2)
- Hakisan Tebing Sungai

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



2.3 Kejadian Kenaikan Aras Laut

Kajian oleh NAHRIM menunjukkan bahawa suhu purata negara telah meningkat sebanyak 1.1 darjah celsius dalam masa 50 tahun lalu. Berdasarkan kepada permodelan yang dihasilkan oleh NAHRIM untuk tempoh 2000 hingga 2100, suhu dijangka meningkat antara 0.7 darjah celsius hingga 2.6 darjah celsius dan taburan hujan juga dijangka berubah dalam julat 30%. Keadaan ini menyebabkan glasier mencair dan seterusnya meningkatkan aras air laut.

Kenaikan aras air laut akan menyebabkan perubahan yang ketara terhadap morfologi dan ekosistem persisiran pantai negara. Kawasan persisiran pantai yang landai dan rendah seperti delta serta muara sungai akan ditenggelami oleh air dan seterusnya mengakibatkan kehilangan sebahagian besar kawasan daratan. Kenaikan aras air laut ini menyebabkan intrusi air masin ke dalam akuifer air tanah dan mengakibatkan sumber air utama bagi penduduk di pesisir pantai dan di pulau-pulau dijangka akan terjejas. Ini juga akan menyebabkan perubahan kepada proses hidrodinamik pantai dan seterusnya mengakibatkan kadar hakisan boleh meningkat disebabkan oleh kenaikan aras laut. Penduduk yang tinggal berhampiran kawasan pantai yang landai cenderung untuk menghadapi kejadian banjir apabila air pasang besar dan seterusnya mengakibatkan kemusnahan kepada infrastruktur serta kawasan pertanian sedia ada.

2.3.1 Punca-punca Kenaikan Aras Laut

Kenaikan aras laut merupakan antara fenomena yang berlaku akibat daripada perubahan iklim global. Pemanasan global menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah air dunia disebabkan pengembangan haba air dan pertambahan air di lautan akibat pencairan glasier dunia. Kecairan ini telah berlaku sejak berabad yang lalu namun kajian mendapati kadar kehilangan ais ini meningkat secara signifikan dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

2.3.2 Kawasan Terjejas

Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)


Terdapat penambahan keluasan kawasan yang dinaiki air akibat daripada kenaikan aras laut dalam Jajahan Tumpat. Bagi unjuran kenaikan aras laut tahun 2050, kawasan yang dinaiki air adalah seluas 2,559.22 hektar dan ianya meningkat sebanyak 17% iaitu kepada 3,011.37 hektar bagi unjuran tahun 2100. Kawasan yang terjejas dengan kejadian kenaikan aras laut ditunjukkan pada **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5 : Kawasan Terjejas Kejadian Kenaikan Aras Laut Berdasarkan Kajian Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)

1. Pulau Che Tahir	9. Kg. Pengkalan Nangka	17. Kg. Ketil	25. Kg. Teluk Renjuna
2. Kg. Baharu Tanjung Duff	10. Kg. Kok Bedullah	18. Kg. Geting	26. Kg. Pulau Seratus
3. Kg. Besut	11. Kg. Kok Gambir	19. Kg. Tempoyak	27. Kg. Pantai Nik Mat
4. Kg. Tumpat	12. Kg. Kok Terbuk	20. Kg. Serkung	28. Kg. Pantai Nik Him
5. Kg. Pak Jah	13. Kg. Jubakar Pantai	21. Kg. Mentua	29. Kg. Tok Fakir
6. Kg. Tok Takor	14. Kg. Tapan	22. Kg. Pengkalan Mentua	30. Pulau Terendam
7. Kg. Kok Kebit	15. Kg. Kok Mek Song	23. Kg. Kok Pinang	31. Pulau Che Soh
8. Kg. Kelaburan	16. Kg. Terbak	24. Kg. Lubok Kawah	32. Pulau Rullah


Sumber: Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), 2021

Rajah 2.6: Unjuran Kenaikan Aras Laut NAHRIM di Pantai Malaysia Menjelang Tahun 2100



Sumber: Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), 2021

Rajah 2.7: Unjuran Kenaikan Aras Laut di Negeri Kelantan (m) untuk Tahun 2020 sehingga 2100



Sumber: Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), 2021

Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara ke-2


Terdapat penambahan keluasan kawasan yang dinaiki air akibat daripada kenaikan aras laut dalam Jajahan Tumpat. Bagi unjuran kenaikan aras laut tahun 2030, kawasan yang dinaiki air adalah seluas 2,397.20 hektar dan ianya meningkat sebanyak 21.9% iaitu kepada 2,443.33 hektar bagi unjuran tahun 2050. Unjuran kenaikan aras laut tahun 2100 mencatatkan peningkatan keluasan kawasan dinaiki air sebanyak 25% iaitu 3,061.85 hektar berbanding tahun 2030. Kawasan terjejas yang dinaiki air akibat daripada kenaikan aras laut ditunjukkan pada Rajah. 2.9 Pelan kenaikan aras laut bagi unjuran tahun 2030, 2050 dan 2100 ditunjukkan pada **Jadual 2.6** dan **Rajah 2.8**.

Jadual 2.6 : Kawasan Terjejas Kejadian Kenaikan Aras Laut Berdasarkan Kajian Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara ke-2

- | | | |
|----------------------------|--------------------------|------------------------|
| 1. Kg. Baharu Tanjung Duff | 11. Kg. Kok Mek Song | 21. Kg. Kok Pinang |
| 2. Kg. Tok Takor | 12. Kg. Terbak | 22. Kg. Suri |
| 3. Kg. Baharu | 13. Kg. Ketil | 23. Kg. Lubok Kawah |
| 4. Kg. Kelaburan | 14. Kg. Geting | 24. Kg. Teluk Renjuna |
| 5. Kg. Pengkalan Nangka | 15. Kg. Tempoyak | 25. Kg. Pulau Beluru |
| 6. Kg. Kok Bedullah | 16. Kg. Serkung | 26. Kg. Pulau Seratus |
| 7. Kg. Kok Gambir | 17. Kg. Mentua | 27. Kg. Pantai Nik Mat |
| 8. Kg. Jubakar Pantai | 18. Kg. Pengkalan Mentua | 28. Kg. Pulau Tongkang |
| 9. Kg. Kok Terbuk | 19. Kg. Tualang | 29. Pulau Terendam |
| 10. Kg. Tujuh | 20. Kg. Simpangan | 30. Pulau Rullah |

Sumber: Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), 2021

Rajah 2.8: Pelan Lokasi Banjir Kesan Kenaikan Aras Laut (NAHRIM) dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

- Lokasi Banjir Kesan Unjuran Kenaikan Aras Laut Tahun 2050
- Lokasi Banjir Kesan Unjuran Kenaikan Aras Laut Tahun 2100


Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



Rajah 2.9: Pelan Lokasi Banjir Kesan Kenaikan Aras Laut (RFZPPN-2) dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

- Lokasi Banjir Kesan Unjuran Kenaikan Aras Laut Tahun 2050
- Lokasi Banjir Kesan Unjuran Kenaikan Aras Laut Tahun 2050
- Lokasi Banjir Kesan Unjuran Kenaikan Aras Laut Tahun 2100

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



2.4 Kejadian Penyakit Berjangkit

Berdasarkan rekod daripada Hospital Tumpat, terdapat tiga (3) jenis wabak dan pandemik yang terdapat dalam Jajahan Tumpat iaitu pandemik Covid-19, denggi dan chikungunya.

2.4.1 pandemik Covid-19


Sehingga 11 Julai 2021, sebanyak 3,450 kes covid-19 direkodkan dengan 3,165 daripadanya adalah bilangan yang sembuh dan melibatkan 23 kematian. Perincian lokaliti beserta bilangan kes covid-19 bagi tahun 2021 (sehingga Julai) ditunjukkan pada **Rajah 2.10**. Lokasi kluster Covid-19 ditunjukkan pada **Rajah 2.11**.

Rajah 2.10: Bilangan Kes Kluster Covid-19 bagi Tahun 2021 (Sehingga Julai) dalam Jajahan Tumpat



Sumber: Hospital Tumpat, 2021

Rajah 2.11: Pelan Lokasi Taburan Kes pandemik Covid-19 dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

● Lokasi Kluster pandemik Covid-19

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



2.4.2 Wabak Denggi


Pada tahun 2020, kes denggi di Jajahan Tumpat mencatatkan sejumlah 225 kes dengan 223 adalah kes sembuh dan 2 kes kematian. Sehingga 7 Julai 2021, kes denggi di Jajahan Tumpat hanya mencatatkan 6 kes iaitu ia telah sembuh dan tiada rekod kematian. Lokaliti kes denggi di Jajahan Tumpat bagi tahun 2020 dan 2021 ditunjukkan pada **Rajah 2.12**. Lokasi bagi kes denggi ditunjukkan pada **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7 : Lokaliti Kes Denggi bagi Tahun 2020 Sehingga 7 Julai 2021 dalam Jajahan Tumpat

1. Cabang 3 Ketik	31. Kg. Laut 3	62. Teluk Renjuna	91. Bendang Pak Yong
2. Taman Harmoni	32. Padang Tambun	63. Dalam Rhu	92. Kok Pasir
3. Delima	33. Kebakat	64. Paloh Dalam	93. Bunohan Tengah
4. Padang Rokma Masjid	34. Kelaboran	65. Kok Keli 1	94. Belakang SK Bunohan
5. Belakang Loji Air Wakaf Bharu	35. Kok Keli 2	66. Jalan Masjid Khairiah	95. Surau Pok Su Adam Kok Pasir
6. Perumahan Bandar Baru Pasir Pekan 2	36. Kubang Palas Luar	67. Belakang SMK Mahmud Mahyiddin	96. Taman SBJ Putra Fasa 1
7. Kelaboran Jaya	37. Pengkalan Nangka	68. Bukit Tanah	97. Taman Desa Raya
8. Geting Surau	38. Ketil	69. Gate Air Pak Jah	98. Alor Tah
9. Bunut Sarang Burung	39. Geting Masjid	70. Padang Lindong	99. Bunohan Luar
10. Sedar	40. Pulau Raja	71. Kubang Palas Timur	100. Semat Jal
11. Dalam Lanas	41. Perumahan Bandar Baru Pasir Pekan 1	72. Pengkalan Kubor	101. Kg. Baru Luar Pasir Pekan
12. Kelong Tengah	42. Taman Mimi	73. Cabang 3 Geting	102. Kg. Kok Pasir Hujung
13. Kubang Palas Dalam	43. Lorong Masjid Kutan	74. Taman Sri Kebakat	103. Kebun
14. Jubakat Darat Hilir	44. Pantai Tujoh	75. Lorong Klinik Dr. Yusuff	104. Taman SBJ Putra Fasa 2
15. Geting Kedai	45. Kutan Tengah	76. Kg. Pak Jah Hujung	105. Loji Air Kg. Sedar
16. Teluk Renjuna	46. Kok Pasir Masjid	77. Padang Rokma	106. Serkong
17. Pondok Haji Hussin	47. Dalam Rhu KTMB	78. Lorong Kilang Padi	107. Geting
18. Berangan Masjid	48. Dalam Pandan	79. Lorong Pendekar	108. Sg. Pinang
19. Tanjung Kuala	49. Hutan Jambu	80. Padang Tembesu	109. Belian
20. Dusun Langgar	50. Kelong	81. Kg. Che Salam	110. Kg. Dalam
21. Kajang Sebidang	51. Belakang PPD Tumpat	82. Depan Petronas Pasir Pekan	111. Paloh
22. Bendang Pauh	52. Gelong Perahu	83. Kutan Hulu	112. Jubakar Darat
23. Cabang 3 Berangan	53. Kubang Palas	84. Taman Sri Bayu	113. Lorong Kubur Tok Janggut
24. Pauh Sebanjar	54. Padang Lati	85. Belakang SMU Bustanal Saadah	114. Kok Pauh
25. Kg. Menjual	55. Taman Sri Dalam Rhu	86. Berangan Pondok	115. Anal
26. Jalan Kg. Nechang	56. Cabang 3 Kepulau	87. Telaga Lanas Hulu	116. Kg. Kedemit Luar
27. Telaga Lanas Sungai	57. Kg. Tujoh	88. Sri Tanjung	117. Air Dingin
28. Kual Baru	58. Besut Luar	89. Cabang Empat	118. Taman Sri Periok
29. Belukar	59. Besut	90. Kutan Hilir	119. Pak Keral
30. Kepulau	60. Lorong Gusti		
	61. Morak		

Sumber: Hospital Tumpat, 2021

Rajah 2.12: Pelan Lokasi Taburan Kes Denggi dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

● Lokasi Kes Denggi

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



2.4.3 Wabak Chikungunya

Pada tahun 2020, kes chikungunya di Jajahan Tumpat mencatatkan sejumlah 30 kes yang didaftarkan dan tidak rekod kematian. Sehingga 7 Julai 2021, kes chikungunya yang didaftarkan adalah sebanyak 10 kes dan juga tiada rekod kematian. Lokaliti kes chikungunya dalam Jajahan Tumpat bagi tahun 2020 hingga 7 Julai 2021 ditunjukkan pada **Rajah 2.13**. Lokasi taburan kes chikungunya ditunjukkan pada **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8 : Lokaliti Kes Chikungunya bagi Tahun 2020 Sehingga 7 Julai 2021 dalam Jajahan Tumpat



- | | | | |
|------------------------|---------------|-----------------------|----------------------|
| 1. Kedemit Luar | 4. Kg. Geting | 7. Tanjung Kuala | 10. Kg. Tebing |
| 2. Kg. Besut | 5. Dalam Rhu | 8. Geting Surau | 11. Dalam Rhu Hujung |
| 3. Taman Sri Dalam Rhu | 6. Besut Luar | 9. Kubur Kok Bedullah | 12. Taman Sri Bayu |

Sumber: Hospital Tumpat, 2021

Foto 2.5: Aktiviti gotong-royong dalam membendung penularan wabak Chikungunya di Kg Kok Bedullah, Tumpat



Rajah 2.13: Pelan Lokasi Taburan Kes Chikungunya dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

● Lokasi Kes Chikungunya

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai


PELAN KUNCI



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

3.0

**TAHAP
KETERDEDAHAN
KEPADA RISIKO
GEOBENCANA**





3.1 Tahap Keterdedahan Risiko Banjir

Pembentukan pelan bahaya banjir adalah dengan mengambil kira kejadian banjir besar pada tahun 2014, banjir monsun bagi tahun 2012, 2013 dan 2017 dan banjir kilat. Perincian bagi keluasan bahaya banjir mengikut tahap ditunjukkan pada **Jadual 3.1** manakala pelan bahaya banjir ditunjukkan pada **Rajah 3.1**.

3.1.1 Keluasan Banjir Besar 2014, Banjir Kilat dan Banjir Monsun

Bagi banjir besar tahun 2014, jumlah keseluruhan Jajahan Tumpat yang ditenggelami air akibat limpahan Sg. Kelantan dan Sg. Golok ialah 14,960.26 hektar. Dianggarkan seluas 1,276.76 hektar Jajahan Tumpat dinaiki air bagi banjir kilat. Manakala bagi monsun, seluas 9,391.77 hektar ditenggelami air pada tahun 2012, 3,928.49 hektar pada tahun 2013 dan 5,992.52 hektar pada tahun 2017.

Jadual 3.1: Keluasan Banjir Besar 2014, Banjir Monsun dan Banjir Kilat dalam Jajahan Tumpat

KATEGORI BANJIR	LIMPAHAN SUNGAI	KELUASAN MENGIKUT BLOK PERANCANGAN (HEKTAR)						
		BP1 TUMPAT	BP2 TERBAK	BP3 PENGKALAN KUBOR	BP4 JAL BESAR	BP5 WAKAF BHARU	BP6 KEBAKAT	BP7 SUNGAI PINANG
Banjir Besar 2014	Sg. Kelantan	1,963.04	1,740.06	1,783.63	3,134.50	2,074.14	1,410.87	2,853.85
	Sg. Golok	675.72	203.55	1,714.49	2,557.72	-	-	-
Banjir Monsun 2012	Sg. Kelantan	1,320.85	1,114.23	1,817.68	2,861.47	122.02	568.94	1,586.58
	Sg. Golok							
Banjir Monsun 2013	Sg. Kelantan	-	-	-	-	-	-	1,311.43
	Sg. Golok	-	-	1,124.48	1,492.58	-	-	-
Banjir Monsun 2017	Sg. Kelantan	-	-	-	-	-	126.96	1,004.69
	Sg. Golok	-	302.96	1,937.33	2,313.00	307.59	-	-
Banjir Kilat	Sg. Kelantan	-	268.38	-	-	719.58	288.80	-
	Sg. Golok	-	-	-	-	-	-	-

Sumber: Olahan daripada maklumat Jabatan Pengairan dan Saliran Tumpat, 2021

3.1.2 Tahap Risiko Banjir

Tahap risiko banjir adalah dengan mengambil kira kejadian banjir monsun pada tahun 2014, banjir kilat dan banjir tahunan bagi tahun 2012, 2013 dan 2017. Perincian bagi keluasan risiko banjir mengikut tahap ditunjukkan pada **Jadual 3.2**.


Jadual 3.2: Perincian Keluasan Risiko Banjir Mengikut Tahap Risiko bagi Jajahan Tumpat

TAHAP RISIKO	KELUASAN KAWASAN RISIKO BANJIR (HEKTAR)							JUMLAH KESELURUHAN
	BP1 TUMPAT	BP2 TERBAK	BP3 PENGKALAN KUBOR	BP4 JAL BESAR	BP5 WAKAF BHARU	BP6 KEBAKAT	BP7 SUNGAI PINANG	
Tahap Rendah	1,053.01	1,346.01	588.88	263.63	1,638.13	622.66	1,308.33	6,820.65
Tahap Sederhana	1,305.32	1,210.80	718.98	1,717.59	895.19	924.63	1,341.63	8,114.14
Tahap Tinggi	-	106.25	1,126.08	1,369.46	-	-	574.56	3,176.35
Jumlah	2,358.33	2,663.06	2,433.95	3,350.68	2,533.32	1,547.29	3,224.52	18,111.15

3.1.3 Pelan Risiko Banjir

44.80% daripada kawasan Jajahan Tumpat berisiko sederhana dalam mengalami kejadian banjir berdasarkan kepada kekerapan banjir di kawasan yang sama. Ini diikuti dengan risiko banjir tahap rendah iaitu sebanyak 37.66%. Hanya 17.53% daripada Jajahan Tumpat berisiko tinggi mengalami kejadian banjir dan lebih tertumpu di Blok Perancangan 3 Pengkalan Kubor iaitu berhampiran dengan Sg. Golok dan di Blok Perancangan 7 Sungai Pinang iaitu berhampiran dengan hilir Sg. Kelantan. Pelan bahaya banjir ditunjukkan pada **Rajah 3.1**.

Rajah 3.1: Pelan Risiko Banjir dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

- Risiko Banjir Tahap Rendah
- Risiko Banjir Tahap Sederhana
- Risiko Banjir Tahap Tinggi

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



3.2 Tahap Keterdedahan Risiko Hakisan Pantai

Keterdedahan risiko hakisan pantai dikenal pasti bertujuan untuk menandakan kawasan yang mengalami hakisan sedia ada serta mengenal pasti kawasan pantai yang berpotensi untuk menjadi risiko hakisan pantai sehingga menyebabkan pembentukan beting pasir.

3.2.1 Panjang Hakisan Pantai

Berdasarkan *Integrated Shoreline Management Plan for the State of Kelantan*, terdapat hakisan pantai yang membentuk beting pasir pada unit pengurusan MU03 dan MU04. Bagi MU03, hakisan pantai yang membentuk beting pasir berlaku sepanjang 4.1 km iaitu di sepanjang lagun Pengkalan Nangka. Manakala sepanjang 2.8 km hakisan pantai yang membentuk beting pasir bagi unit pengurusan MU04.

Bagi kajian Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara ke-2, hakisan pantai yang membentuk beting pasir bagi UPZP D02 adalah sepanjang kira-kira 4.12 km dan bagi UPZP D03 sepanjang kira-kira 7.91 km. Kedua-dua kawasan hakisan ini dikategorikan sebagai tahap ketiga hakisan boleh diterima iaitu tidak mengalami hakisan yang kritikal.

3.2.2 Tahap Risiko Hakisan Pantai

Pembentukan keterdedahan risiko hakisan pantai yang menyebabkan pembentukan beting pasir dihasilkan berdasarkan kepada hakisan sedia ada. Pelan keterdedahan hakisan pantai yang menyebabkan pembentukan beting pasir ini akan di integrasi bersama pelan bahaya tsunami memandangkan kesannya adalah sama iaitu mampu memberi kesan kepada pesisiran pantai Jajahan Tumpat.



Jadual 3.3: Keluasan Kawasan Risiko Hakisan Beting Pasir dalam Jajahan Tumpat

TAHAP RISIKO	KELUASAN KAWASAN RISIKO HAKISAN BETING PASIR DAN TSUNAMI (HEKTAR)							LUAR SEMPADAN JAJAHAN TUMPAT
	BP1 TUMPAT	BP2 TERBAK	BP3 PENGKALAN KUBOR	BP4 JAL BESAR	BP5 WAKAF BHARU	BP6 KEBAKAT	BP7 SUNGAI PINANG	
HAKISAN BETING PASIR								
Tahap Tinggi	46.25	-	-	-	-	-	-	410.98
TSUNAMI								
Tahap Tinggi	112.13	-	1.19	-	-	-	-	-

3.2.3 Pelan Risiko Hakisan Pantai

0.26% atau 46.25 hektar daripada Jajahan Tumpat mempunyai risiko hakisan pantai tahap tinggi iaitu hanya melibatkan BP1 Tumpat. Bagi risiko tsunami pula, seluas 0.63% atau 113.32 hektar Jajahan Tumpat terletak di bawah tahap tinggi risiko tsunami melibatkan 112.13 hektar di dalam BP1 Tumpat dan BP3 Pengkalan Kubor. Pelan risiko hakisan pantai dan tsunami ditunjukkan pada **Rajah 3.2**.

Rajah 3.2: Pelan Risiko Hakisan Beting Pasir dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

- Risiko Hakisan Beting Pasir Tahap Rendah
- Risiko Hakisan Beting Pasir Tahap Sederhana
- Risiko Hakisan Beting Pasir Tahap Tinggi

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



3.3 Tahap Keterdedahan Risiko Kenaikan Aras Laut


Jajahan Tumpat juga perlu melihat kepada keterdedahan risiko kenaikan aras laut memandangkan lokasinya yang terletak berhadapan dengan Laut China Selatan. Risiko kenaikan aras laut ini berperanan mengenalpasti kawasan yang bakal ditenggelami air dan menyediakan langkah-langkah kawalan dalam mengurangkan kesannya.

3.3.1 Aras Air Tahun 2030, 2050 dan 2100

Berdasarkan unjuran yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Negeri Kelantan termasuk Jajahan Tumpat bakal mengalami kenaikan air setinggi 0.23 meter pada tahun 2050 dan meningkat kepada 0.70 meter pada tahun 2100. Rekod untuk mendapatkan ketinggian aras pasang surut air laut telah dilaksanakan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Pusat Hidrografi Nasional (PHN). Kedua-dua stesen terhampir dengan jajahan Tumpat oleh agensi tersebut terletak di Kompleks LKIM Geting, Kelantan.

Berdasarkan rekod data PHN di Geting yang bermula tahun 1990 - 2003, julat maksimum Air Pasang Falak Tertinggi (HAT) adalah 1.78 m. Aras ketinggian air laut dalam keadaan semula jadi di pantai Tumpat; tanpa mengambil kira kesan pusuan ribut dan ombak besar boleh mencecah sehingga 1.04 m dari Aras Laut Min (MSL). Bagi Stesen Tolok Pasang Surut JUPEM, julat pasang surut maksimum ialah 1.830 m dan ketinggian aras air boleh mencecah sehingga 1.328 m dari Datum Tegak Geodesi Semenanjung Malaysia (DTGSM) seperti di **Rajah 3.3**. Di Semenanjung Malaysia, DTGSM merupakan nilai piawai yang digunakan pada masa kini untuk menentukan aras ketinggian sesuatu kawasan menggantikan nilai Land Survey Datum (LSD) yang dahulunya dirujuk sebagai MSL.

Rajah 3.3: Analisis Ketinggian Aras Air berdasarkan Rekod Tolok Pasang Surut JUPEM di Stesen Geting, Kelantan untuk tahun 2017



Sumber: Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), 2021

Kajian Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara ke-2 juga menunjukkan unjuran kenaikan aras laut bagi tahun 2030, 2050 dan 2100. Bagi tahun 2030, aras air laut dijangka meningkat sehingga 0.11 meter dan terus meningkat kepada 0.23 meter pada tahun 2050. Sama seperti unjuran yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), tahun 2100 akan mencatatkan peningkatan aras air laut sehingga mencapai 0.70 meter sehingga mampu menenggelamkan kawasan rendah terutamanya di kawasan yang berhampiran dengan laut.

3.3.2 Tahap Risiko Banjir Akibat Kenaikan Aras Laut

Penentuan tahap risiko banjir akibat kenaikan aras laut adalah berdasarkan kepada kawasan yang bakal dinaiki air mengikut unjuran kenaikan aras laut tahun 2030, 2050 dan 2100. Pecahan kepada tahap bahaya adalah melihat kepada kekerapan kawasan dinaiki air bagi unjuran tahunan yang berbeza. Perincian bagi keluasan bahaya kenaikan aras laut mengikut tahap ditunjukkan pada **Jadual 3.4**.



Jadual 3.4: Keluasan Kawasan Risiko Kenaikan Aras Laut dalam Jajahan Tumpat

TAHAP RISIKO	KELUASAN KAWASAN RISIKO KENAIKAN ARAS LAUT (HEKTAR)							JUMLAH KESELURUHAN
	BP1	BP2	BP3	BP4	BP5	BP6	BP7	
Tahap Rendah	970.30	99.85	815.18	141.25	-	-	855.78	2,882.36
Tahap Sederhana	7.45	-	45.75	-	-	-	16.71	69.91
Tahap Tinggi	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	977.75	99.85	860.93	141.25	-	-	872.49	2,952.27

3.3.3 Pelan Risiko Kenaikan Aras Laut

Hanya 16.30% Jajahan Tumpat berisiko dinaiki air akibat daripada kenaikan aras laut. Berdasarkan kepada kekerapan sesebuah kawasan dinaiki air bagi unjuran tahun 2030, 2050 dan 2100, 15.91% Jajahan Tumpat berisiko rendah dinaiki air kesan daripada kenaikan aras laut. Manakala kurang daripada 1% (0.39%) Jajahan Tumpat berada pada tahap sederhana risiko kenaikan aras laut dan tiada kawasan berisiko tinggi dinaiki air dari kenaikan aras laut. Pelan risiko kenaikan aras laut ditunjukkan pada **Rajah 3.4**.

Rajah 3.4: Pelan Risiko Kenaikan Aras Laut dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

- Risiko Kenaikan Aras Laut Tahap Rendah
- Risiko Kenaikan Aras Laut Tahap Sederhana
- Risiko Kenaikan Aras Laut Tahap Tinggi

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



3.4 Peta Risiko Geobencana Jajahan Tumpat

Pelan risiko bencana keseluruhan dibentuk dengan mengambil kira segala kejadian bencana yang berlaku dalam Jajahan Tumpat iaitu kejadian banjir, hakisan beting pasir dan kenaikan aras laut. Pelan ini turut meletakkan jenis guna tanah sebagai faktor yang mempengaruhi kejadian bencana di Jajahan Tumpat. Walaupun tiada rekod rasmi kejadian Tsunami di Jajahan Tumpat, namun ianya tetap diambil kira dalam membentuk pelan risiko bencana dalam Jajahan Tumpat. Kriteria mengikut tahap risiko ditunjukkan pada **Jadual 3.5**. Perincian keluasan kawasan risiko mengikut tahap risiko ditunjukkan pada **Jadual 3.6** manakala pelan risiko bencana keseluruhan ditunjukkan pada **Rajah 3.5**

Jadual 3.5: Kriteria Pengkelasan Tahap Risiko Bencana Keseluruhan



TAHAP RISIKO	KRITERIA
Tahap Rendah	Sekiranya hanya terdapat satu atau tiada bencana yang bertindih di kawasan yang sama
Tahap Sederhana	Sekiranya terdapat dua bencana yang bertindih di kawasan yang sama
Tahap Tinggi	Sekiranya terdapat tiga atau empat bencana yang bertindih di kawasan yang sama

Jadual 3.6: Perincian Keluasan Risiko Bencana Keseluruhan

TAHAP RISIKO	KELUASAN KAWASAN RISIKO BENCANA KESELURUHAN (HEKTAR)							JUMLAH KESELURUHAN	LUAR SEMPADAN JAJAHAN TUMPAT
	BP1	BP2	BP3	BP4	BP5	BP6	BP7		
Tahap Rendah	418.46	110.48	164.97	13.47	190.33	171.32	553.44	1,622.44	-
Tahap Sederhana	1,387.98	1,841.58	711.19	1,551.33	1,534.97	988.39	1,717.30	9,732.71	-
Tahap Tinggi	553.98	710.34	1,557.07	1,785.32	810.10	386.09	953.13	6,756.00	410.98
Jumlah	2,360.42	2,662.40	2,433.23	3,350.12	2,535.40	1,545.80	3,223.87	18,111.15	410.98

Setelah mengambil kira kesemua pelan risiko bencana, dapat disimpulkan bahawa Jajahan Tumpat berada dalam risiko tahap sederhana iaitu sebanyak 53.74% diikuti risiko tahap tinggi pada 37.30%. Hanya 8.96% Jajahan Tumpat berada pada tahap rendah bagi risiko bencana.

Rajah 3.5: Pelan Risiko Bencana Keseluruhan dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

- Risiko Bencana Keseluruhan Tahap Rendah
- Risiko Bencana Keseluruhan Tahap Sederhana
- Risiko Bencana Keseluruhan Tahap Tinggi

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



4.0

TINDAKAN BAGI MENGURANGKAN RISIKO BENCANA

LAMAN WARISAN SENI @ KAMPUNG LA

لامن واريثن سنن كامقوڠ لاءوت



LAMAN WARISAN SENI @ KAMPUNG LA

لامن واریشن سنن کامقوڠ لاءوت

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

4.1 Tindakan Berstruktur

Tindakan berstruktur boleh didefinisikan sebagai sebarang tindakan yang melibatkan pembinaan fizikal bagi mengurangkan atau mengelakkan kemungkinan kesan bahaya, atau apa-apa aplikasi teknik atau teknologi kejuruteraan untuk mencapai rintangan dan ketahanan bahaya dalam struktur atau sistem. Dalam konteks pengurangan risiko bencana, kebanyakan projek yang bakal dijalankan adalah bersifat struktur iaitu akan melibatkan perubahan guna tanah dan agensi tertentu.

4.1.1 Pembangunan On-Stilts (Bertiang) di Kawasan Terdedah Risiko Banjir

Tujuan pembangunan *on-stilts* adalah bagi mengurangkan kerosakan harta benda dengan reka bentuk bangunan yang mengambil kira ketahanan impak banjir seperti bangunan bertiang (mengikut ketinggian bersesuaian dengan aras platform) serta disokong dengan bahan binaan kalis air dan struktur pembinaan tahan banjir.

- i. Berperanan sebagai garis panduan reka bentuk bangunan bertiang mengikut aras platform bagi melindungi dan mengurangkan kerosakan akibat banjir.
- ii. Menyelaraskan konsep pembangunan bertiang di dalam zon pembangunan terkawal.
- iii. Panduan kepada PBT dan pemaju di dalam proses Kebenaran Merancang (KM) untuk melaksanakan pembangunan di dalam zon pembangunan terkawal.

Tindakan:

- i. Menjadikan guna tanah perumahan, komersial, industri, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti sebagai kawasan pembangunan *on-stilts* seperti pada **Foto 4.1** dan **Rajah 4.1 sehingga Rajah 4.3**.

Komponen :

- i. Aras ketinggian platform bangunan 3 meter.
- ii. Garis panduan reka bentuk bangunan bertiang dan tahan bencana di dalam Jilid II.
- iii. Reka bentuk bangunan bertiang sebagai panduan pemaju.

Foto 4.1 : Rumah berkonsepkan on-stilts yang tidak dimasuki air walaupun mencapai ketinggian sehingga 0.8 meter di Kg. Pasir Pekan Hilir, Tumpat




Rajah 4.1 : Pembangunan On-Stilts



Apabila rumah dibina *on-stilts*, ianya mampu mengatasi bencana banjir daripada memasuki rumah atau premis. Hal ini sekali gus mengurangkan kerosakan harta benda dan mampu melindungi penduduk daripada bencana banjir.


Rumah A dibina di atas daratan tanpa melibatkan sebarang pembangunan *on-stilts* (bertiang) manakala rumah B dibina secara *on-stilts* (bertiang).

Dalam keadaan normal, kedua-dua buah rumah tidak terjejas dengan kenaikan air. Apabila berlakunya kenaikan aras air sama ada disebabkan hujan lebat atau gelombang laut, rumah A akan terkesan dan mengalami banjir. Berbeza dengan rumah B yang tidak dimasuki air apabila berlakunya bencana banjir.



Rajah 4.2 : Pembangunan On-Stilts Dan konvensional.

Rajah 4.3 : Pelan Lokasi Bangunan Berdaya Tahan



Petunjuk

Bangunan Berdaya Tahan

- Konsep pembangunan *on-stilts* (bertiang)
- Konsep pembangunan konvensional

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



4.1.2 Zon Penampnan (Dataran Banjir)

Terdapat dua (2) lembangan sungai di dalam Jajahan Tumpat iaitu Lembangan Sg. Kelantan dan Lembangan Sg. Golok yang terdiri daripada 18 sungai utama. Kesemua sungai utama sedia ada telah diwartakan dan mempunyai zon penampnan masing-masing tetapi tidak pada keseluruhan panjang sungai tersebut.

- i. Zon penampnan di sepanjang Sg. Golok berfungsi sebagai zon keselamatan kerana melibatkan sempadan negara.
 - ii. Mengekalkan kawasan di antara tebing, dataran dan ban.
 - iii. Mengurangkan keterdedahan risiko banjir dari segi fizikal dan masyarakat yang berada di sepanjang tebing sungai kerana ia berada di dalam zon keterdedahan risiko banjir tinggi.
 - iv. Berperanan sebagai panduan dalam melaksanakan kelulusan pewartaan rizab sungai di kawasan kajian.
1. Tindakan :
 - i. Menyediakan rizab sungai sebagai zon penampnan bagi mengatasi isu banjir di sepanjang sungai seperti pada **Rajah 4.5**.
 - ii. Melibatkan 243 lot bagi pengambilan semula tanah antara ban dan sungai
 2. Komponen :
 - i. Kelebaran zon penampnan adalah mengikut kelebaran sungai iaitu :-

KELEBARAN LALUAN AIR ANTARA TEBING	KEPERLUAN KELEBARAN RIZAB DARI KEDUA BELAH TEBING BERDASARKAN KELUASAN SUNGAI SEDIA ADA
> 40 meter	50 meter
20 - 40 meter	40 meter
10 - 20 meter	20 meter
5 - 10 meter	10 meter
< 5 meter	5 meter

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

4.1.3 Lencongan Sungai

Lencongan sungai ini akan melibatkan Sg. Tapang ke gate Sg. Pengkalan Nangka. Sg. Tapang merupakan salah satu sungai yang menyalurkan air dari kawasan daratan terus ke laut dan mempunyai aktiviti akuakultur iaitu ikan sangkar yang turut terkesan apabila berlakunya bencana banjir dan gelombang ombak laut.

Lencongan sungai ini adalah penting bagi:

- i. Melancarkan aliran air dari Sg. Tapang ke Sg. Pengkalan Nangka.
- ii. Melindungi kepentingan penternak ikan di Laguna Tujuh.
- iii. Mengatasi isu bencana banjir.

Tindakan :

- i. Menggali terusan di Sg. Tapang
- ii. Menstabilkan tebing (break water) di kawasan lencongan cadangan.

Komponen :

- i. Lencongan Sg. Tapang ke Sg. Pengkalan Nangka sepanjang 1.5km seperti pada **Rajah 4.6**.
- ii. Sebuah pintu air antara lencongan Sg. Tapang ke Sg. Pengkalan Nangka

4.1.4 Pendalaman Sungai di Pulau

Banjir di kawasan kepulauan Jajahan Tumpat berpunca daripada kejadian hujan lebat disertai dengan kenaikan aras laut semasa berlakunya ribut. Dengan mendalamkan sungai di kawasan pulau, ianya:

- i. Mengurangkan risiko banjir apabila berlakunya kenaikan air sungai.
- ii. Menyelesaikan masalah air cetek bagi perhubungan penduduk pulau.


Tindakan :

- i. Mendalamkan sungai mengikut kesesuaian.
- ii. Membersihkan kawasan tebing-tebing sungai daripada semak samun.
- iii. Membina struktur penstabilan tebing sungai bagi kawasan yang mengalami hakisan atau runtuh.

Komponen :

- i. Melibatkan sungai di dalam kepulauan Jajahan Tumpat seperti pada **Rajah 4.7**.

Rajah 4.4: Kaedah mendalamkan sungai



Rajah 4.5: Pelan Zon Penampungan dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

- Zon Penampungan Cadangan
- Zon Penampungan Sedia Ada

Lain - lain

- ⋯ Sempadan Kawasan Kajian
- ⋯ Sempadan Jajahan
- ⋯ Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai



PELAN KUNCI









Rajah 4.6 : Pelan Lencongan Sg. Tapang - Sg. Pengkalan Nangka




Petunjuk

-  Lencongan Sg. Tapang - Sg. Pengkalan Nangka
-  Pintu Air


Lain - lain

-  Sempadan Kawasan Kajian
-  Sempadan Jajahan
-  Sempadan Blok Perancangan
-  Laluan keretapi
-  Jalanraya
-  Sungai

PELAN LOKASI



Rajah 4.7 : Pelan Lokasi Mendalamkan Sungai di Pulau dalam BP7 Sungai Pinang




Petunjuk

● Lokasi Mendalamkan Sungai

Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN LOKASI



4.1.5 Pembinaan Rock Revetment

Berlaku kejadian hakisan tebing sungai yang melibatkan Sg. Kelantan berhampiran Pasir Pekan serta hakisan beting pasir di laguna Pengkalan Nangka. Pelaksanaan mitigasi pencegahan hakisan ini bertujuan untuk:

- i. Mengurangkan hakisan tebing sungai dan beting pasir.
- ii. Mencegah muara sungai daripada tertutup.
- iii. Memelihara ekosistem hidupan marin.
- iv. Meningkatkan kualiti air sungai dan marin.
- v. Mengekalkan kedalaman muara sungai tujuan laluan bot nelayan untuk keluar masuk ke laut.

Tindakan :

- i. Membina 'rock revetment' di tebing Sg. Kelantan iaitu di kawasan Pasir Pekan.
- ii. Menyusun batu sebagai benteng untuk mengelak hakisan ombak.


Komponen :

- i. Melibatkan pembinaan 'rock revetment' sepanjang 3.4 km di Sg. Kelantan seperti pada **Rajah 4.9**.


Foto 4.2 : Contoh pembinaan 'rock revetment' bagi mengatasi isu hakisan tebing sungai



Rajah 4.8: Keratan rentas fungsi binaan rock revetment ketika berlakunya kenaikan aras air



Rajah 4.9 : Pelan Lokasi Pembinaan Rock Reventment di Tebing Sg. Kelantan (Pasir Pekan)



Petunjuk


 Rock reventment Sg. Kelantan (Pasir Pekan)

Lain - lain


 Sempadan Kawasan Kajian

 Sempadan Jajahan

 Sempadan Blok Perancangan

 Laluan keretapi

 Jalanraya

 Sungai



4.1.6 Sistem Amaran Awal Tsunami

Pada masa kini, terdapat satu Sistem Amaran Awal Tsunami Malaysia atau lebih dikenali sebagai SAATNM dibangunkan di kawasan Pantai Geting, Tumpat. Cadangan untuk penambahan 1 lagi stesen SAATNM di Kg. Teluk Renjuna yang merupakan kawasan di kepulauan Jajahan Tumpat. Tujuan pembangunan SAATNM ini adalah untuk mengesan tsunami dan mengeluarkan amaran untuk mencegah kehilangan nyawa dan kerosakan.


Tindakan :

- i. Komponen pengumpulan data memerlukan pelampung tsunami dan stesen tolok pasang surut.
- ii. Komponen pemprosesan terdiri daripada perisian bagi penentuan lokasi dan magnitud gempa bumi dan output pemodelan tsunami yang menentukan tempoh ombak tsunami sampai ke perairan negara serta ketinggian ombak bagi sesuatu lokasi gempa bumi dasar laut..
- iii. Penyebaran juga dibuat melalui talian tetap telefon yang sedang dibangunkan untuk penghebahan mesej amaran kepada orang ramai di kawasan yang terancam bencana

Komponen :

- i. Boya
- ii. Sistem pembekal kuasa
- iii. Pelekap dasar laut tsunameter
- iv. Sistem telemetry akustik menghubungkan tsunameter dan boya
- v. Sistem telemetry data satelit (Inmarsat C)

Rajah 4.10 : Konsep amaran tsunami menggunakan teknologi satelit



4.2 Tindakan Bukan Struktur

Tindakan bukan struktur merupakan tindakan yang tidak melibatkan pembinaan fizikal. Ianya adalah lebih kepada amalan, program bagi mengurangkan risiko dan kesan bencana khususnya melalui dasar dan undang-undang, peningkatan kesedaran awam, latihan dan pendidikan.

4.2.1 Zon Kawalan Pembangunan

Banjir di Kelantan pada tahun 2014 telah menyebabkan Jajahan tumpat ditelenggalami air seluas 14,960.26 hektar. Dianggarkan mangsa banjir di kawasan Jajahan Tumpat adalah ke dua terbesar selepas Kota Bharu iaitu 30,569 orang. Harta benda aset awam dan kejuruteraan yang musnah akibat banjir di anggarkan sebanyak 300 juta untuk negeri Kelantan.

A.

Zon Pembangunan

Zon ini mempunyai potensi pembangunan dan mempunyai tahap risiko banjir yang rendah dan tertumpu di kawasan sempadan pusat bandar Tumpat, Pengkalan Kubor dan Wakaf Bharu. Pembangunan yang digalakkan adalah seperti berikut :

- Perumahan
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Tidak ada keperluan untuk reka bentuk aras platform



B.

Zon Pembangunan Terkawal

- Pembangunan baru di Kawasan zon ini perlu mengambil kira keperluan teknikal risiko banjir dan aras platform bagi memenuhi reka bentuk kala ulangan minimum 25 tahun ARI
- Pembangunan baru perlu mengambil kira kepentingan warisan pelancongan seperti Kg Laut, Kg Pulau Suri, Kg Pulau Tongkang, Muzium Pulau, Rumah Api, Wat , Makam Tok Janggut
- Perlu mengambil kira kepentingan Kawasan padi KADA dan kelulusan pembangunan tertakluk kepada Majlis Daerah Tumpat.





C.

Zon Tiada Pembangunan

- Menetapkan anjakan 50 meter Rizab sungai Kelantan dan Sungai Golok sebagai Kawasan zon keselamatan dan zon penampungan.
- Menetapkan 60 meter rizab sepanjang persisiran pantai Kawasan zon penampungan.
- Sebarang pembangunan di dalam rizab sungai tidak dibenarkan kecuali kemudahan infrastruktur dan projek-projek khas



Rajah 4.11 : Pelan Kawalan Zon Pembangunan



Petunjuk

- Zon Pembangunan**
- Risiko Banjir Rendah
 - Sempadan Pusat Bandar
 - 200 meter kiri kanan jalan
- Zon Tiada Pembangunan**
- Rizab 50 Meter Sg Kelantan/Sg Golok
 - Rizab 60 Meter Persisiran Pantai

- Zon Pembangunan Terkawal**
- Risiko Banjir Sederhana & Tinggi
 - Tanaman Padi (KADA) & Perairan JPS
 - Warisan Pelancongan
- Lain - Lain**
- Sempadan Kawasan Kajian
 - Sempadan Blok Perancangan
 - Laluan keretapi



4.2.2 Kawalan Kepadatan Bandar dan Intensiti Pembangunan di Kawasan Pusat Bandar

- Mewujudkan keseimbangan kepada pelbagai guna tanah, kemudahan awam dan alam sekitar.
- Mengawal daripada berlakunya implikasi terhadap alam sekitar seperti banjir dan tanah runtuh. dan kesesakan lalulintas.

Tindakan :

- Mengenal pasti jarak radius 400 meter sehingga 800 meter daripada stesen keretapi KTM dan pengangkutan awam.
- Menetapkan intensiti yang sesuai dengan mengambil kira faktor fungsi bandar, TOD, Kawasan pemeliharaan padi KADA warisan pelancongan.

Komponen :

- Kepadatan Perumahan
 - Secara amnya, terdapat tiga (3) kategori kepadatan perumahan yang telah dicadangkan untuk pembangunan perumahan.



KATEGORI KEPADATAN	KEPADATAN	JENIS PERUMAHAN
Kepadatan Rendah	6-10 Unit/Ekar	Berkembar Dan Sesebuah
Kepadatan Sederhana	20-40 Unit/Ekar	Teres/Kluster, Berkembar, Sesebuah, Pangsa (Kos Sederhana Dan Rendah), Apartment, Dan 'Townhouse'
Kepadatan Tinggi	41-60 Unit/Ekar	Teres/Kluster, Pangsa (Kos Sederhana Rendah) Dan Apartment

ii. Nisbah Plot

- Penentuan kategori nisbah plot adalah seperti berikut:

KAWASAN	NISBAH PLOT	JENIS KOMERSIAL
Pinggir Bandar/Kampung	2.5	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai Pejabat Tidak Lebih 4 Tingkat • Medan Selera • Stesen Minyak
Kawasan Bersempadanan /Bandar	3.0	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai Teres / Pejabat Tidak Lebih 5 Tingkat • Kompleks Membeli Belah
Kepadatan Tinggi, Kemudahan Pengangkutan Awam,TOD	4.0	<ul style="list-style-type: none"> • Free Standing Building, • Pangsapuri Servis

Rajah 4.12 : Pelan Intensiti Bandar Tumpat



Petunjuk


Kepadatan	
	6-10 Unit /Ekar
	20-40 Unit/Ekar
	41-60 Unit /Ekar

Nisbah Plot	
	2.5
	4


Lain - lain

- Cadangan Sempadan Bandar
- Jalan
- Landasan Keretapi

PELAN LOKASI




Rajah 4.13 : Pelan Intensiti Bandar Pengkalan Kubor




Petunjuk

Kepadatan




Nisbah Plot



Lain - lain

- Cadangan Sempadan Bandar
- Jalan



PELAN LOKASI




Rajah 4.14 : Pelan Intensiti Wakaf Bharu




Petunjuk



Lain - lain



PELAN LOKASI



4.2.3 Pusat Penempatan Bencana

Sehingga tahun 2021, sebanyak 38 pusat pemindahan sementara (PPS) mangsa bencana banjir telah disediakan di dalam Jajahan Tumpat yang merangkumi dewan orang ramai, wat, masjid serta sekolah sedia ada dalam Jajahan Tumpat.

Tindakan :

- i. Mengekalkan dua (2) dewan yang dijadikan sebagai pusat pemindahan sementara sebagai pusat penempatan serbaguna baru kekal seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 4.15**.
- ii. Mewujudkan tujuh (9) pusat penempatan serbaguna baru kekal yang baru seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 4.15**.

Komponen

- i. Katil
- ii. Meja dan kerusi
- iii. Papan notis
- iv. Bilik air
- v. Bilik rawatan
- vi. Ruang solat

4.2.4 Pelan Pengurusan Kawasan Risiko Bencana

Pelan strategi juga dijangka dapat mengurangkan kesan impak, kerugian ekonomi, kerosakan harta benda/infrastruktur, kadar kematian/kecederaan, kelangsungan perniagaan dan menjadikan pembangunan masa hadapan berasaskan risiko. Program pengukuhan sistem risiko komunikasi (risk communication) adalah untuk mengukuhkan urus tadbir risiko komunikasi (pihak yang menyebarkan dan pihak yang menerima), meningkatkan kualiti penyebaran maklumat mengenai bencana, menambahbaik platform pengkongsian maklumat dan mengurangkan kerugian ekonomi disebabkan bencana. Program kesiapsiagaan berfasa, berstruktur dan berimpak ini menggunakan platform sektor pendidikan sedia ada seperti fasiliti sekolah, aktiviti kurikulum berkaitan dan program kesedaran bencana sama ada di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan daerah di Malaysia.


Tindakan :

- i. Menyediakan Pelan Strategik Pengurangan Risiko Bencana dan Daya Tahan
- ii. Mengikuti Program Pengukuhan Sistem Risiko Komunikasi Setempat untuk Pelbagai Bencana
- iii. Menjalankan Program Kesiapsiagaan dan Pendidikan Ancaman Risiko Bencana (Bahaya Baru)
- iv. Mewujudkan Program Rejuvenasi Bencana (pembangunan sosio-ekonomi, rehabilitasi, pencegahan berkala, dan adaptasi perubahan iklim)

4.2.5 Garis Panduan Kawalan Perancangan ke Arah Saliran Mampan bagi Pembangunan Baru di Peringkat Kebenaran Merancang

- Suatu rangka garis panduan bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang perlu ditekankan semasa peringkat penilaian Kebenaran Merancang (KM) bagi memastikan bahawa elemen-elemen Saliran Mampan (*Sustainable Drainage System*) telah diambil kira.

Rajah 4.15 : Pelan Lokasi Pusat Penempatan Serbaguna Kekal Mangsa Bencana dalam Jajahan Tumpat



Petunjuk

- Pusat Penempatan Serbaguna Kekal Sedia Ada
- Pusat Penempatan Serbaguna Kekal Cadangan
- Pusat Petempatan Sementara Mangsa Banjir Sedia Ada


Lain - lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Laluan keretapi
- Jalanraya
- Sungai

PELAN KUNCI



Rajah 4.16: Carta Alir Sistem Saliran dan Perparitan Mampan




4.2.6 Kawalan Wabak Denggi dan Chikugunya

Pada tahun 2020, kes denggi di Jajahan Tumpat mencatatkan sejumlah 225 kes dengan 223 adalah kes sembuh dan 2 kes kematian manakala , 1 lokaliti kes chikugunya iaitu pada bulan Oktober dengan 22 bilangan wabak chikugunya diisytiharkan.

Tindakan :

- i. Menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di sekeliling rumah terutamanya kawasan atau barangan yang boleh menakung air seperti tayar lama, bekas plastik.
- ii. Mengelakkan aktiviti semasa nyamuk aktif menggigit iaitu antara tempoh 5.30 pagi - 8.00 pagi dan 5.30 petang - 8.00 malam.
- iii. Guna sapuan pencegah serangga pada kulit yang terdedah semasa keluar bersiar, terutama semasa di siang hari.
- iv. Bersihkan kawasan rumah dan persekitaran supaya bebas daripada tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes. Ini boleh dilakukan melalui aktiviti gotong royong. Adalah terbukti tiada kes baru yang dilaporkan di kawasan-kawasan yang melakukan gotong- royong.
- v. Menyaman pihak yang tidak bertanggungjawab membuat sampah merata rata.
- vi. Mendidik masyarakat supaya menjaga kebersihan sekeliling, tentang bahaya denggi dan chikugunya.



4.2.7 Tambahbaik Standard Operation Procedure (SOP) Bencana

Standard Operating Procedures (SOP) sedia ada pengurusan banjir yang diguna pakai di peringkat jajahan adalah berdasarkan SOP Majlis Keselamatan Negara (Arahan No. 20). Cadangan ini dibentuk bagi menambahbaik SOP sedia ada terutamanya dalam menangani bencana banjir. Cadangan ini berperanan sebagai:

- i. Panduan dan persediaan kepada PBT dan agensi terlibat dalam menghadapi bencana terutamanya banjir.
- ii. Meminimumkan kerugian dan kesan banjir dari segi kehilangan nyawa dan harta benda.

Tindakan :

- i. Penekanan terhadap tindakan dan langkah yang perlu diambil sebelum menghadapi banjir.
- ii. Persediaan dan tindakan pasif dari segi pembangunan terkawal bagi meminimumkan risiko banjir.
- iii. Persediaan dan tindakan aktif dari segi perancangan pemilihan lokasi pusat pemindahan dan fasiliti penyimpanan bantuan bencana yang strategik dan selamat.
- iv. Fungsi agensi dan jabatan yang terlibat bagi pengurusan dan tindakan menghadapi bencana banjir.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

5.0


MEKANISME PENGURUSAN RISIKO BENCANA






Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

5.1 Konsep Pengurusan Risiko Bencana



5.2 Jawatankuasa Pengurusan Bencana



5.3 Pengurusan Risiko Sebelum Bencana

5.3.1 Peranan Peringkat Negara

	PERKARA	PENERAJU
Sistem amaran awal dan pemantauan bencana	Pemantauan cuaca	• Jabatan Meteorologi Malaysia
	Pemantauan paras air sungai	• Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
Persediaan logistik dan bekalan	Stok bekalan makanan	• Jabatan Kebajikan Masyarakat
	Keboleh operasian aset agensi	• Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
	Penempatan aset	
	Kawasan tanggungjawab agensi	
	Persediaan pesawat udara	• Tentera Udara Diraja Malaysia
	Kawasan pendaratan pesawat udara	• Polis Diraja Malaysia
	Perkhidmatan kesihatan dan stok ubat-ubatan	• Kementerian Kesihatan Malaysia
	Bekalan utiliti (bahan api, elektrik, air, telekomunikasi)	• Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna • Kementerian Alam Sekitar dan Air • Kementerian Tenaga dan Sumber Asli • Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
	Keboleh operasian sistem komunikasi	• Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
	Pegawai perhubungan agensi di PKOB	• Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
Direktori perhubungan	Maklumat perhubungan	
Persediaan pemindahan pusat	Penentuan pusat pemindahan	• Jabatan Kebajikan Masyarakat
	Pemakluman pusat pemindahan	
	Fasiliti pusat pemindahan	
	Susun atur dalaman pusat pemindahan	
	Penentuan dan pemilihan penyelia pusat pemindahan	
Laporan media	Hebahan perkembangan dan persediaan sebelum banjir	• Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Pengurusan empangan	Persediaan sebelum bencana	• Pengendali empangan

5.3.2 Peranan Peringkat Negeri

	PERKARA	PENERAJU
Sistem amaran awal dan pemantauan bencana	Pemantauan cuaca	• Pejabat Meteorologi Kelantan
	Pemantauan paras air sungai	• Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan
Persediaan logistik dan bekalan	Stok bekalan makanan	• Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
	Keboleh operasi aset agensi	• Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
	Penempatan aset	
	Kawasan tanggungjawab agensi	
	Persediaan pesawat udara	• Pangkalan Udara Gong Kedak
	Kawasan pendaratan pesawat udara	• Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan
	Perkhidmatan kesihatan dan stok ubat-ubatan	• Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
	Bekalan utiliti (bahan api, elektrik, air, telekomunikasi)	• Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan • Air Kelantan Sdn. Bhd. • Tenaga Nasional Berhad Negeri Kelantan • Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Negeri Kelantan
Keboleh operasi sistem komunikasi	• Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Negeri Kelantan	
Direktori perhubungan	Pegawai perhubungan agensi di PKOB	• Jabatan Pertahanan Awam Negeri Kelantan
Persediaan pemindahan pusat	Maklumat perhubungan	• Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
	Penentuan pusat pemindahan	
	Pemakluman pusat pemindahan	
	Fasiliti pusat pemindahan	
	Susun atur dalaman pusat pemindahan	
Penentuan dan pemilihan penyelia pusat pemindahan		
Laporan media	Hebahan perkembangan dan persediaan sebelum banjir	• Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Negeri Kelantan
Pengurusan empangan	Persediaan sebelum bencana	• Pengendali empangan

5.3.3 Peranan Peringkat Daerah / Jajahan

PERKARA		PENERAJU
Sistem amaran awal dan pemantauan bencana	Pemantauan cuaca	-
	Pemantauan paras air sungai	• Jabatan Pengairan dan Saliran Tumpat
Persediaan logistik dan bekalan	Stok bekalan makanan	• Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Tumpat
	Keboleh operasi aset agensi	• Pegawai Daerah / Jajahan
	Penempatan aset	
	Kawasan tanggungjawab agensi	
	Persediaan pesawat udara	-
	Kawasan pendaratan pesawat udara	-
	Perkhidmatan kesihatan dan stok ubat-ubatan	• Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat
	Bekalan utiliti (bahan api, elektrik, air, telekomunikasi)	-
	Keboleh operasi sistem komunikasi	-
	Pegawai perhubungan agensi di PKOB	• Pejabat Daerah Pertahanan Awam Tumpat
Direktori perhubungan		
Persediaan pemindahan pusat	Penentuan pusat pemindahan	• Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Tumpat
	Pemakluman pusat pemindahan	
	Fasiliti pusat pemindahan	
	Susun atur dalaman pusat pemindahan	
	Penentuan dan pemilihan penyelia pusat pemindahan	
Laporan media	Hebahan perkembangan dan persediaan sebelum banjir	-
Pengurusan empangan	Persediaan sebelum bencana	• Pengendali empangan

5.4 Pengurusan Risiko Semasa Bencana

5.4.1 Peranan Peringkat Negara

	PERKARA	PENERAJU
Pemindahan mangsa	Pengaktifan sistem amaran bencana	<ul style="list-style-type: none"> • Agensi Pengurusan Bencana Negara
	Arahan pemindahan	<ul style="list-style-type: none"> • Komander Operasi Bencana Pusat Kawalan Operasi Bencana Negara (PKOB) Pusat Pengurusan Operasi Negara (PPN) MKN
	Operasi pemindahan	
	Pengaktifan pelan kawasan tanggungjawab	
Pembukaan dan pengoperasian pusat pemindahan	Pembukaan pusat pemindahan yang diwartakan	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kebajikan Masyarakat
	Pembukaan pusat pemindahan baru	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kebajikan Masyarakat
	Mewujudkan jawatankuasa pengurusan di pusat pemindahan	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kebajikan Masyarakat
	Khidmat bimbingan dan kaunseling	
	Perkhidmatan kesihatan dan kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> • Komander Operasi Bencana Pusat Kawalan Operasi Bencana Negara (PKOB) Pusat Pengurusan Operasi Negara (PPN) MKN • Kementerian Kesihatan Malaysia • Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
	Perkhidmatan MEDAVAC	<ul style="list-style-type: none"> • Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
	Penyelarasan Khidmat Bantuan Sukarelawan, Korporat dan NGO	<ul style="list-style-type: none"> • Angkatan Pertahanan Awam Malaysia • Jabatan Kebajikan Masyarakat
Pengumpulan sukarelawan penyedia sajian	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kebajikan Masyarakat 	
Koordinat aset	Aset operasi menyelamatkan dan pemindahan	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kebajikan Masyarakat
	Aset sokongan penghantaran bantuan	
Kawalan trafik dan keselamatan	Pemastian kelangsungan trafik di jalan utama	<ul style="list-style-type: none"> • Polis Diraja Malaysia
	Laluan utama rosak / runtuh	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kerja Raya Malaysia
	Tempat letak kenderaan awam	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak Berkuasa Tempatan
	Kawalan keselamatan di kawasan tempat letak kenderaan awam	<ul style="list-style-type: none"> • Polis Diraja Malaysia
	Kawalan keselamatan di kawasan kediaman	
Kelangsungan bekalan dan perkhidmatan	Bekalan elektrik	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
	Bekalan air terawat	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Alam Sekitar dan Air • Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
	Bekalan bahan api	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna • Angkatan Pertahanan Awam Malaysia • Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

PERKARA		PENERAJU
Kelangsungan bekalan dan perkhidmatan	Perkhidmatan telekomunikasi	• Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
	Kelangsungan bekalan makanan	• Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
	Penghantaran bekalan melalui laut dan udara	• Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
Strategi pengendalian media	Pusat media	• Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
	Siaran media	• Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia • Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
Pengurusan empangan	Amaran pelepasan air empangan	• Pengendali empangan
	Tindakan evakuasi	• Polis Diraja Malaysia
	Kenyataan media	• Pengendali empangan
Laporan operasi		• Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

5.4.2 Peranan Peringkat Negeri

PERKARA		PENERAJU	
Pemindahan mangsa	Pengaktifan sistem amaran bencana	-	
	Arahan pemindahan	• Komander Operasi Bencana Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) (Bilik Gerakan Negeri)	
	Operasi pemindahan		
	Pengaktifan pelan kawasan tanggungjawab		
Pembukaan dan pengoperasian pusat pemindahan Pembukaan dan pengoperasian pusat pemindahan	Pembukaan pusat pemindahan yang diwartakan	• Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan	
	Pembukaan pusat pemindahan baru	• Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan	
	Mewujudkan jawatankuasa pengurusan di pusat pemindahan	• Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan	
	Khidmat bimbingan dan kaunseling	• Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) (Bilik Gerakan Negeri) • Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan • Jabatan Pertahanan Awam Negeri Kelantan • Komander Operasi Bencana Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) (Bilik Gerakan Negeri) • Setiausaha Kerajaan Negeri	
	Perkhidmatan kesihatan dan kecemasan		
	Perkhidmatan MEDAVAC		• Setiausaha Kerajaan Negeri
	Penyelarasan Khidmat Bantuan Sukarelawan, Korporat dan NGO		• Setiausaha Kerajaan Negeri • Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
	Pengumpulan sukarelawan penyedia sajian	• Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan	
Koordinat aset	Aset operasi menyelamatkan dan pemindahan	• Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan	
	Aset sokongan penghantaran bantuan		

PERKARA		PENERAJU
Kawalan trafik dan keselamatan	Pemastian kelangsungan trafik di jalan utama	• Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan
	Laluan utama rosak / runtuh	• Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan
	Tempat letak kenderaan awam	• Pihak Berkuasa Tempatan
	Kawalan keselamatan di kawasan tempat letak kenderaan awam	• Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan
	Kawalan keselamatan di kawasan kediaman	
Kelangsungan bekalan dan perkhidmatan	Bekalan elektrik	• Tenaga Nasional Berhad Negeri Kelantan
	Bekalan air terawat	• Air Kelantan Sdn. Bhd. • Setiausaha Kerajaan Negeri
	Bekalan bahan api	• Tenaga Nasional Berhad Negeri Kelantan • Setiausaha Kerajaan Negeri
	Perkhidmatan telekomunikasi	• Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Negeri Kelantan
	Kelangsungan bekalan makanan	-
	Penghantaran bekalan melalui laut dan udara	• Jabatan Pertahanan Awam Negeri Kelantan • Setiausaha Kerajaan Negeri
Strategi pengendalian media	Pusat media	• Setiausaha Kerajaan Negeri
	Siaran media	• Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Negeri Kelantan • Setiausaha Kerajaan Negeri
Pengurusan empangan	Amaran pelepasan air empangan	• Pengendali empangan
	Tindakan evakuasi	• Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan
	Kenyataan media	• Pengendali empangan
Laporan operasi	• Jabatan Pertahanan Awam Negeri Kelantan • Setiausaha Kerajaan Negeri	

5.4.3 Peranan Peringkat Daerah / Jajahan

PERKARA		PENERAJU
Pemindahan mangsa	Pengaktifan sistem amaran bencana	-
	Arahan pemindahan	• Komander Operasi Bencana Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) (Bilik Gerakan Pejabat Daerah)
	Operasi pemindahan	
	Pengaktifan pelan kawasan tanggungjawab	
Pembukaan dan pengoperasian pusat pemindahan	Pembukaan pusat pemindahan yang diwartakan	• Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Tumpat • Penyelia Pusat Pemindahan
	Pembukaan pusat pemindahan baru	• Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Tumpat
	Mewujudkan jawatankuasa pengurusan di pusat pemindahan	• Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Tumpat • Penyelia Pusat Pemindahan

PERKARA		PENERAJU
Pembukaan dan pengoperasian pusat pemindahan	Khidmat bimbingan dan kaunseling	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Tumpat Penyelia Pusat Pemindahan
	Perkhidmatan kesihatan dan kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) (Bilik Gerakan Pejabat Daerah) Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat Pejabat Daerah Pertahanan Awam Tumpat Komander Operasi Bencana Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) (Bilik Gerakan Pejabat Daerah) Pegawai Daerah
	Perkhidmatan MEDAVAC	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai Daerah
	Penyelarasan Khidmat Bantuan Sukarelawan, Korporat dan NGO	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai Daerah Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Tumpat
	Pengumpulan sukarelawan penyedia sajian	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Tumpat
Koordinat aset	Aset operasi menyelamatkan dan pemindahan	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Tumpat
	Aset sokongan penghantaran bantuan	
Kawalan trafik dan keselamatan	Pemastian kelangsungan trafik di jalan utama	<ul style="list-style-type: none"> Ibu Pejabat Polis Daerah Tumpat
	Laluan utama rosak / runtuh	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kerja Raya Jajahan Tumpat
	Tempat letak kenderaan awam	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Daerah Tumpat
	Kawalan keselamatan di kawasan tempat letak kenderaan awam	<ul style="list-style-type: none"> Ibu Pejabat Polis Daerah Tumpat
Kawalan keselamatan di kawasan kediaman		
Kelangsungan bekalan dan perkhidmatan	Bekalan elektrik	-
	Bekalan air terawat	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai Daerah
	Bekalan bahan api	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai Daerah
	Perkhidmatan telekomunikasi	-
	Kelangsungan bekalan makanan	-
	Penghantaran bekalan melalui laut dan udara	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah Pertahanan Awam Tumpat Pegawai Daerah
Strategi pengendalian media	Pusat media	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai Daerah
	Siaran media	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai Daerah
Pengurusan empangan	Amaran pelepasan air empangan	<ul style="list-style-type: none"> Pengendali empangan
	Tindakan evakuasi	<ul style="list-style-type: none"> Ibu Pejabat Polis Daerah Tumpat
	Kenyataan media	<ul style="list-style-type: none"> Pengendali empangan
Laporan operasi		<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah Pertahanan Awam Tumpat Pegawai Daerah

5.5 Pengurusan Risiko Selepas Bencana

5.5.1 Peranan Peringkat Negara

PERKARA	PENERAJU
